



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI ISNIN : 31 MAC 2014

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 2, 9 HINGGA 75)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan]

TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN : Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

Di bawah program Pembasmian Kemiskinan (PAWAH) Jabatan Perikanan Malaysia telah menyediakan induk Arowana untuk dipinjamkan kepada peserta senarai e-Kasih. Adakah matlamat program PAWAH ini telah berjaya dan jika tidak, apakah kekangan yang telah menyebabkan program ternakan ikan Arowana ini gagal.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Projek Ternakan Arowana merupakan salah satu Program Peningkatan Pendapatan Golongan Sasar di bawah KPI YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Tahun 2010. Matlamat projek adalah untuk memastikan peserta mendapat pendapatan tambahan melalui hasil projek membolehkan mereka keluar dari paras kemiskinan. Peserta yang dipilih daripada senarai eKasih merupakan golongan Miskin Tegar yang tidak produktif meliputi golongan yang kurang upaya, uzur dan ibu tunggal yang berumur. Projek ini telah dipilih berdasarkan daya maju ekonomi yang tinggi ternakan ikan arowana untuk dijadikan sumber pendapatan tambahan kepada kumpulan sasar. Projek telah dilaksanakan melalui Program Pembasmian Kemiskinan, Unit Penyerlarasan

Perlaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) dengan peruntukan sejumlah RM1.394 juta untuk membeli induk ikan Arowana yang dijadikan milik peserta. Induk ikan tersebut diserahkan kepada syarikat yang berpengalaman untuk menternak ikan Arowana untuk dibiakkan. Hasil jualan anak ikan Arowana akan diberi kepada peserta mengikut perjanjian yang ditetapkan antara syarikat dengan kerajaan. Terdapat dua projek dilaksanakan iaitu di Bukit Merah, Perak dan di Hulu Langat, Selangor.

Projek tersebut tidak dapat mencapai matlamat yang diharapkan disebabkan berlaku penurunan harga jualan yang besar ikan Arowana sejak tahun 2012. Harga anak-anak ikan arowana 'Malaysia Gold' yang sepatutnya dijual pada harga RM1,000 – RM1,500 seekor telah menurun sehingga RM200 seekor. Kejatuhan harga yang besar ini disebabkan manipulasi pasaran dan peningkatan pengeluaran ikan Arowana yang didorong permintaan pasaran yang tinggi. Syarikat peneraju Bukit Merah Aquaculture Sdn. Bhd. telah membuat bayaran pendahuluan sebanyak RM375/peserta sebanyak lima belas kali kepada 60 peserta. Syarikat juga telah menghasilkan tiga pengeluaran sejumlah sejumlah 275 ekor dengan nilai RM41,570 yang telah diagihkan kepada peserta. Seramai 42 orang peserta telah terkeluar dari paras garis kemiskinan sejak program ini dilaksanakan. Projek Ternakan Arowana di Selangor telah diberhentikan disebabkan syarikat peneraju tidak mendapat pulangan yang diharapkan kerana kejatuhan harga ikan arowana. 33 orang peserta projek telah bersetuju untuk menjual semua induk-induk Arowana sebanyak 33 ekor disebabkan syarikat telah gagal membayar dividen sejak projek dimulakan.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN HAJI MOHAMAD [LIPIS]
TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)
SOALAN : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pelan tindakan dan mekanisme untuk menguasai jaringan pembekalan (*supply chain*) dengan mengusahakan pertanian dan barangan seperti perusahaan ayam, secara besar-besaran. Ini penting untuk menghasilkan "*economy of scale*" memastikan barang pada harga yang lebih baik dan kurang bergantung kepada orang tengah.
- JAWAPAN OLEH** : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan menyedari bahawa peranan orang tengah tidak boleh dinafikan dan wajar dihargai, namun bilangannya perlu diminimakan dan dikawal bagi mengelakkan manipulasi secara berleluasa terhadap pengeluar dan pengguna, khususnya para petani dan nelayan. Dalam hal ini, peranan orang tengah dapat dikurangkan sekiranya kita dapat memendekkan rantaian nilai dengan memastikan lapisan atau *tier* pemasaran dikurangkan seterusnya menguasai setiap peringkat rantaian nilai dari pengeluar, pengedar dan pemasar hasil pertanian iaitu dari ladang hingga ke pengguna.

Dalam hal ini Kerajaan telah mengenal pasti beberapa strategi utama dalam mengatasi permasalahan monopoli atau manipulasi orang tengah iaitu:

- meningkatkan pengeluaran bekalan agromakanan utama seperti ikan, sayuran, buah-buahan, ayam, dan daging;

- memendekkan rantaian nilai seperti memperkukuh dan memantapkan saluran pemasaran sedia ada;
- mewujudkan saluran pemasaran yang baharu;
- meningkatkan *market share* (dengan izin) pasaran produk agromakanan oleh agensi pemasaran seperti FAMA, LKIM dan LPP; dan
- menambahbaik skim, bantuan, kemudahan, dan program sokongan sedia ada untuk pengeluar.

Program jihad memerangi orang tengah dialncarkan secara berperingkat-peringkat. Bagi subsektor padi, majlis pelancarannya telah diadakan pada 16 Januari 2014 di Kota Bharu, Kelantan.

Sebanyak empat (4) strategi untuk subsektor padi yang dilaksanakan iaitu:

- (i) Menggerakkan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai badan pengurusan bagi pembelian padi dari pesawah terus ke kilang melalui Pusat Belian Padi (PBP). Jumlah penglibatan petani dalam urusan belian padi melalui PPK (70% daripada jumlah keseluruhan petani iaitu 71,345 orang pesawah akan terlibat. Sebanyak 8 buah PBP dijangka akan disiapkan pada tahun 2014;
- (ii) Penyeragaman harga padi di Semenanjung pada kadar: RM1,200/mt (tertakluk kepada mutu sebenar padi). Pelaksanaan pemutuan sebenar padi di PBP yang melibatkan PPK, petani, BERNAS dan juga di kilang padi swasta. Manakala pemindahan padi antara negeri dibenarkan tertakluk kepada pengeluaran permit oleh Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras (KPB). Buat masa ini beberapa siri penerangan berhubung dengan pemutuan sebenar padi dan penyeragaman harga telah dilaksanakan di semua peringkat;
- (iii) Dana Kebajikan Petani yang diuruskan oleh setiap PPK dengan modal pusingan sebanyak RM100,000.00 kepada setiap PPK;
- (iv) memantapkan pengagihan beras subsidi ST15 dengan perkara-perkara berikut:
 - pengagihan dilaksanakan di PBP /PPK/ Kilang Beras BERNAS;
 - pelabelan - Kampit beras ST15 perlu dilabel dengan "Kegunaan Isi Rumah Warganegara Malaysia Sahaja" dan pembelian dihadkan dua (2) kampit untuk satu keluarga;
 - dipasarkan di kedai-kedai seperti berikut:

- Kedai Agro bazar, Kedai KRIM, Kedai TUKAR, PERNAMA, Kedai Peladang dan sebagainya;
- penjualan di hypermarket akan dihentikan; dan
- dilaksanakan bermula pada 1 April 2014.

Majlis pelancaran jihad memerangi orang tengah dalam sub-sektor perikanan telah diadakan pada 9 Februari 2014 di Kuantan, Pahang.

Sebanyak 8 strategi utama yang akan dilaksanakan iaitu:

- (i) Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) akan memainkan peranan untuk membeli terus hasil tangkapan nelayan dengan menawarkan harga setanding dengan yang ditawarkan oleh orang tengah. Sehingga ini sebanyak RM12 Juta telah diterima oleh NEKMAT untuk membeli terus dan menjual hasil tangkapan nelayan;
- (ii) mengambil alih hutang nelayan sebanyak RM40 juta daripada orang tengah menerusi Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional. Buat masa ini TEKUN sedang memperhalusi mekanisma pelaksanaan dan dijangka program akan dapat dilaksanakan penghujung Mac 2014;
- (iii) menyediakan tabung pinjaman tanpa faedah untuk kecemasan sebanyak RM50,000 kepada 87 Persatuan Nelayan Kawasan termasuk Sabah dan Sarawak menerusi NEKMAT. Mekanisma pelaksanaan sedang disediakan oleh LKIM;
- (iv) menyediakan tabung pinjaman mudah menerusi TEKUN Nasional bagi membeli bot ataupun sampan serta peralatan penangkapan;
- (v) menambah 50 pasar nelayan baharu di seluruh negara bagi membolehkan nelayan atau keluarga memasarkan terus hasil jualan. Tapak-tapak telah dikenal pasti dan sedang dalam proses mendapatkan kebenaran menduduki oleh Kerajaan Negeri;
- (vi) nelayan menjual terus hasil tangkapan mereka kepada NEKMAT untuk tujuan sejuk beku yang akan dipasarkan melalui outlet Program Ikan Rakyat. Sebanyak 112 outlet Ikan Rakyat telah beroperasi di seluruh negara. Lokasi outlet baru akan dikenal pasti;
- (vii) mewujudkan lebih banyak pusat pengumpulan (CC) dan pusat pengedaran (DC). Lokasi CC dan DC yang baru sedang dikenal pasti; dan

(viii) menyediakan lebih banyak tapak niaga di pasar tani dan konsep jualan terus secara *Fish-On-Wheel*. Sehingga kini sebanyak 258 daripada 517 pasar tani telah disertai oleh NEKMAT/ Persatuan Nelayan Negeri/ Persatuan Nelayan Kawasan dan terdapat 18 buah motosikal roda tiga sedang diusahakan oleh Persatuan Nelayan Kuantan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan berusaha melengkapinya penglibatan dalam jaringan bekalan ayam. Penglibatan NAFAS yang kini dalam pengeluaran ayam melalui ladang kontrak, pengeluaran anak ayam dan pemprosesan akan ditingkatkan. Peranan NAFAS juga akan diperluaskan dalam pengeluaran makanan ternakan. Manakala peranan FAMA dalam pemasaran akan dipertingkatkan. Dalam masa yang sama, Kementerian juga akan menggalakkan penglibatan bersepadu lebih banyak syarikat GLC dalam rangkaian pengeluaran ayam.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]

TARIKH : 31 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan paras karbon monoksida dan sulfur dioksida di setiap ibu negeri. Apakah langkah terkini Kerajaan dalam mengawal pencemaran udara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kepekatan karbon monoksida di setiap ibu negeri di seluruh Malaysia pada tahun 2013 secara puratanya adalah 0.435 ppm – 0.952 ppm manakala kepekatan sulfur dioksida di setiap ibu negeri seluruh Malaysia secara puratanya adalah 0.001 ppm - 0.003 ppm. Ia adalah di bawah nilai Garis Panduan Kualiti Udara Ambien yang telah ditetapkan iaitu 9 ppm bagi karbon monoksida dan 0.04 bagi sulfur dioksida.

Antara tindakan terkini Kerajaan dalam mengawal pencemaran udara adalah seperti berikut:-

- i) Cadangan untuk memperketatkan standard pelepasan bagi kenderaan berenjin petrol dan diesel daripada standard pelepasan EURO 2 kepada EURO 4; dan
- ii) Cadangan untuk mempertingkatkan kualiti minyak petrol dan diesel mengikut spesifikasi EURO 4M dengan mengurangkan kandungan sulfur dalam bahan api dari 500 *parts per million* (ppm) kepada 50 *parts per million* (ppm)

Bagi mengawal pencemaran udara, Jabatan Alam Sekitar (JAS) melaksanakan tindakan-tindakan yang digariskan dalam Pelan Tindakan Udara Bersih iaitu bagi mengurangkan pelepasan dari kenderaan bermotor, pelepasan daripada industri dan aktiviti pembakaran terbuka serta kerja tanah.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN (SIK)

TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Mansor bin Abd Rahman (Sik) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimana Kementerian menangani isu kebajikan di kalangan orang-orang bergelandangan terutamanya kanak-kanak dan berapakah jumlah mereka ini yang direkodkan sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa peka dan prihatin akan kebajikan kumpulan sasarnya termasuk golongan gelandangan. Justeru, Pusat Sehati Intervensi yang dikenali sebagai Anjung Singgah telah diwujudkan bagi menangani isu berkaitan golongan ini dengan kerjasama Yayasan Kebajikan Negara (YKN) sebagai pentadbir.

Anjung Singgah menyediakan perkhidmatan secara holistik kepada golongan gelandangan dengan menyediakan tempat perlindungan sementara serta khidmat bantuan penjodohan pekerjaan, makanan, kaunseling serta bantuan kebajikan yang diperlukan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang terlibat. Pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan sukarelawan mereka turut membantu untuk merujuk kes golongan gelandangan kepada Anjung Singgah. Dari 9 April 2011 hingga bulan Januari 2014, seramai 1,424 orang gelandangan telah dibantu dari segi penginapan sementara dan makan minum di Anjung Singgah Kuala Lumpur, Kuching dan Johor Bharu.

Pada masa yang sama, YKN turut bekerjasama daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bagi pelarasan peluang pekerjaan kepada seramai 31 orang penghuni Anjung Singgah di pasar raya yang berdaftar di bawah kementerian tersebut. Selain itu, sejak mula beroperasi hingga bulan Januari 2014, seramai 498 orang penghuni di Anjung Singgah telah mendapat pekerjaan hasil daripada penjodohan pekerjaan yang dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja.

Anjung Singgah juga melaksanakan program, dengan izin *Social Enterprise* bagi golongan gelandangan yang berminat untuk berniaga. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Koperasi Ukhwah untuk melatih golongan gelandangan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan, dan meneruskan kehidupan dengan berdikari. Hingga bulan Januari 2014, seramai 12 orang telah menghadiri kursus asas dan 3 orang telah mengusahakan perniagaan sendiri dengan bantuan geran perniagaan.

Anjung Singgah turut memberikan kaunseling dan motivasi kepada golongan gelandangan yang memerlukan khidmat tersebut, terutamanya bagi menyediakan mereka untuk memasuki alam pekerjaan. Bermula dari bulan Mac 2012 hingga bulan Januari 2014, sejumlah 629 sesi

motivasi dan kaunseling telah dijalankan oleh kaunselor berdaftar daripada Lembaga Kaunselor Malaysia dan kaunselor bertauliah yang telah dilantik oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN). Selain itu, Anjung Singgah turut membantu golongan gelandangan seramai 32 orang yang kehilangan kad pengenalan mendapatkan kad pengenalan baru.

Dalam pada itu, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga bertanggungjawab menyelamatkan kanak-kanak yang berada bersama dengan ibu bapa atau penjaga yang dikategorikan sebagai gelandangan. Antara usaha yang diambil oleh JKM bagi membantu anak-anak gelandangan yang diselamatkan ini ialah:

- a) menguruskan dokumen pengenalan diri bagi kanak-kanak yang tiada dokumen atau tidak didaftarkan kelahirannya sebelum ini;
- b) memberi tempat perlindungan dengan menempatkan mereka di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan
- c) menguruskan soal pendidikan kanak-kanak terutama bagi mereka yang berusia di bawah 12 tahun di mana persekolahan peringkat

rendah merupakan sesuatu yang wajib bagi warganegara Malaysia selaras dengan Akta Pendidikan (Pindaan 2002).

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan rekod YKN hingga Januari 2014, seramai 1,424 orang gelandangan telah mendaftar masuk di Anjung Singgah Kuala Lumpur, Kuching dan Johor Bharu untuk mendapatkan khidmat bantuan sosial.

Manakala berdasarkan statistik JKM hingga Jun 2013, bilangan kanak-kanak gelandangan yang diselamatkan di seluruh negara ialah seramai 243 orang. Kanak-kanak gelandangan yang diselamatkan akan ditempatkan di institusi JKM dan bukannya di Anjung Singgah.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]

TARIKH : 31 MAC 2014

SOALAN :

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kuota pembalakan yang telah ditentukan oleh *National Forestry Council* bagi setiap negeri dan apakah ada negeri-negeri yang telah melanggar kuota yang ditentukan ini. Jika ada, namakan negeri-negerinya dan jumlah lebihan yang diluluskan untuk ditebang. Apakah Kementerian boleh memberi jaminan bahawa tiada sebarang kecurian atau pencerobohan pada Hutan-hutan Simpanan Negara seperti Taman Negara di Jerantut dan Taman Negara Endau-Rompin.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pembukaan kawasan hutan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang diurus mengikut amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan ini dilaksanakan dengan berpandukan kadar Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang ditetapkan pada setiap tempoh Rancangan Malaysia Lima Tahun dan dipersetujui di Majlis Tanah Negara. Penetapan Catuan Tebangan Tahunan bagi Tempoh RMKe-10 (2011-2015) adalah seperti di **Lampiran 1**.

Pemantauan pematuhan CTT dibuat melalui tiga peringkat iaitu:-

1. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Operasi Hutan;
2. Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri; dan
3. Majlis Tanah Negara (MTN).

Terdapat beberapa negeri yang melebihi kup (*coupe*) yang dibenarkan secara tahunan iaitu Perak (962 hektar) dan Terengganu (449 hektar) pada 2011, Terengganu (992 hektar) pada tahun 2012 dan Kedah (996 hektar) pada tahun 2013 dan Perak (1,652 hektar) pada tahun 2013. Walau bagaimanapun perkara ini akan diselaraskan untuk tahun 2014 dan 2015 bagi memastikan kup tebangan tidak melebihi jumlah CTT yang diluluskan dalam RMK-10.

Pihak Kementerian sentiasa mengambil perhatian yang serius dan komited dalam memastikan tiada sebarang kecurian atau pencerobohan pada Hutan-Hutan Simpanan Negara seperti Taman Negara di Jerantut dan Taman Negara Endau Rompin.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK LINDA TSEN THAU LIN
KAWASAN : BATU SAPI
TARIKH : 31 MAC 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. DATUK LINDA TSEN THAU LIN (BATU SAPI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bagaimana Kementerian boleh meningkatkan mutu pembinaan jalan raya untuk mengelak kerosakan dan terjadinya masalah jalan berlubang yang sering berlaku di musim tengkujuh.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini amat prihatin dan memandang serius tentang masalah kerosakan jalan, terutamanya isu jalan berlubang akibat dari faktor cuaca dan kesan daripada beban kenderaan berat.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh JKR, penggunaan bahan campuran asphalt seperti *Polymer Modified Asphalt*, *Stone Mastic Asphalt*, *Porous Asphalt* dan sebagainya serta penggunaan teknologi baru dalam penyelenggaraan jalan, iaitu *Cold-In-Place Recycling* (CIPR) didapati dapat memanjangkan jangka hayat permukaan jalan (*pavemen*) yang dibina dan seterusnya dapat mengurangkan kos penyelenggaraan sebanyak 30% daripada kaedah konvensional. Penggunaan bahan-bahan seperti ini merupakan inovasi baru yang telah diaplikasikan oleh kementerian ini di samping mengekalkan kaedah penyelenggaraan konvensional sedia ada.

Di samping itu, kementerian ini juga meningkatkan aspek pemantauan kualiti kerja penyelenggaraan oleh syarikat konsesi menerusi mesyuarat bulanan dan pemeriksaan audit secara berkala. Sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan kerja, amaran dalam bentuk Laporan Ketidapatuhan atau NCR (*Non-Conformance Report*) akan dikeluarkan. Pihak JKR Negeri dan JKR Bahagian juga telah dipertanggungjawabkan untuk mengawasi kerja-kerja-kerja syarikat konsesi ini. Misalnya, bagi kerja-kerja berkala, pihak syarikat perlu melaksanakan pengujian dan penyemakan laporan pengesahan

kualiti (*Quality Assurance-QA*) dan laporan kawalan kualiti (*Quality Control-QC*) sebelum JKR mengesahkan bayaran bagi kerja-kerja yang telah dibuat.

Walau bagaimanapun, keadaan jalan yang tidak memuaskan walaupun telah disenggara adalah turut disebabkan oleh kenderaan berat yang membawa muatan secara berlebihan dan tidak menggunakan gandar yang bersesuaian. Gandar ini berperanan mengagihkan bebanan muatan secara sekata ke struktur turapan jalan. Sehubungan itu, kementerian ini akan bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan agensi penguatkuasaan lain untuk memastikan penguatkuasaan terhadap kenderaan berat ini dilaksanakan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]

TARIKH : 31 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes dan kes manakah yang didakwa terdapat salah laku seperti yang didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2012 yang sedang disiasat oleh polis dan MACC, dan hasil daripada siasatan-siasatan tersebut

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan Laporan Ketua Audit Negara 2012 – LKAN 2012 (Siri 1 dan Siri 2) pada 21 November 2013, Surat Tunjuk Sebab telah dikeluarkan kepada 30 pegawai dan 9 bekas pegawai (pesara). Tujuan pengeluaran surat berkenaan ialah bagi mendapatkan penjelasan dari pegawai mengenai ketidakaturan yang dibangkitkan dalam LKAN 2012.

Bagi 30 orang pegawai yang telah diberikan Surat Tunjuk Sebab, status tindakan terkini adalah seperti berikut:

- (a) 19 pegawai telah dimulakan prosiding tatatertib;
- (b) 2 pegawai telah disyorkan diambil tindakan tatatertib;
- (c) 6 pegawai sedang disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
- (d) 3 pegawai tidak diambil tindakan tatatertib kerana tidak wujud asas yang kukuh bahawa pegawai berkenaan telah melakukan salah laku atau kecuaiian.

Manakala 9 bekas pegawai awam (pesara) telah memberikan penjelasan dan tiada tindakan lanjut diambil ke atas mereka. Ini adalah kerana tiada asas yang kukuh bahawa pegawai telah melakukan salah laku dan kecuaiian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 seperti mana yang dibentangkan di Parlimen pada 1 Oktober 2013 dan 2 Disember 2013, terdapat sebanyak 378 teguran telah dibuat dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 yang melibatkan 111 (29%) teguran bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan, 38 (10%) teguran bagi Badan Berkanun dan 229 (61%) teguran bagi negeri.

Sebanyak 267 (71%) teguran audit melibatkan penambahbaikan peraturan, prosedur dan proses kerja dan tindakan penambahbaikan ini telah dan sedang diambil oleh agensi terlibat. Manakala 111 (29%) teguran melibatkan 121 kes penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiian pelaksanaan tugas.

Sebanyak 17 kertas siasatan berkaitan LKAN 2012 telah dirujuk oleh pihak SPRM kepada Jabatan Peguam Negara. Status kertas-kertas siasatan adalah seperti berikut:

- (a) 9 kertas siasatan telah disyor untuk ditutup kerana tiada keterangan yang mencukupi bagi membolehkan pertuduhan jenayah di bawah mana-mana undang-undang dikenakan terhadap mana-mana pegawai / individu yang dinamakan di dalam kertas siasatan tersebut. Daripada 9 kertas siasatan tersebut, 5 kes dicadangkan untuk tindakan tatatertib;
- (b) 7 kertas siasatan lagi telah dikembalikan oleh Jabatan Peguam Negara kepada pihak SPRM untuk siasatan lanjut; dan

- (c) Bagi satu (1) kertas siasatan, pendakwaan telah dibuat di Mahkamah Sesyen Kota Bharu terhadap seorang pesara kerajaan di bawah Seksyen 468 Kanun Keseksaan. Individu tersebut telah dituduh dengan 52 pertuduhan pemalsuan dokumen dengan tujuan untuk menipu.

Sekian. Terima Kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM
[JULAU]

TARIKH : 31 Mac 2014 (Isnin)

SOALAN :

Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memastikan kelancaran dan kejayaan sistem *e-Government* supaya hasilnya lebih berkesan terutamanya dalam memantapkan sistem penyampaian sektor awam bertaraf antarabangsa akan tercapai seiringdengan kesedaran masyarakat hari ini melalui kepentingan ICT.

JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU ANAK BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa meningkatkan usaha dalam memastikan sistem penyampaian sektor awam yang mantap dan bertaraf antarabangsa. Sehingga kini sebanyak 70% daripada keseluruhan perkhidmatan

Kerajaan telah disediakan secara *online*. Perkhidmatan *online* Kerajaan ini boleh dicapai melalui satu gerbang di www.malaysia.gov.my. Sehingga kini sebanyak 75,184 pengguna telah berdaftar di Portal Kerajaan Malaysia. Sehingga Februari 2014, sebanyak 64,219 transaksi perkhidmatan telah direkodkan bagi tahun 2014.

Sebagai contohnya, sistem MyEg telah memudahkan orang ramai membayar insuran dan cukai jalan secara on-line, dan sistem e-maklum telah memudahkan kakitangan Kerajaan dan orang ramai menyemak status bayaran oleh Kerajaan.

Usaha-usaha mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan akan terus dilaksanakan selaras dengan janji Kerajaan mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

TARIKH : 31 MAC 2014

RUJUKAN : 6574

SOALAN:

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rasional dan sebab-sebab khusus kenapa Kementerian menolak permohonan bagi permit penerbitan media cetak seperti FZ Daily, Malaysiakini dan Suara Keadilan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penerbitan surat khabar umum yang telah diluluskan permit penerbitan adalah memadai dengan jumlah pembaca di negara ini pada masa kini. Penolakan permohonan surat khabar umum bertajuk FZ Daily merupakan langkah awal dalam mengawal lambakan penerbitan surat khabar umum yang berkemungkinan boleh menerbit pelbagai berita dari perspektif yang berbeza mengenai satu-satu isu yang mungkin akan mengelirukan para pembaca.

Sementara bagi Malaysiakini pula, penolakan adalah disebabkan langkah awal kawalan ke atas lambakan penerbitan akhbar umum dan ianya dilihat cenderung untuk menerbitkan berita-berita sensasi dan kontroversi untuk menarik minat pembaca.

Bagi penerbitan akhbar Suara Keadilan, penolakan permit adalah kerana isi kandungan penerbitan tersebut telah melanggar Akta Mesin Cetak & Penerbitan 1984 (Pindaan) 2012. Penerbit telah diberikan surat tunjuk sebab tetapi gagal mengemukakan jawapan ke atas surat tunjuk sebab yang diberikan menyebabkan keputusan permohonan masih ditangguhkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG

TARIKH: 31 MAC 2014

SOALAN:

Tuan Khoo Soon Seang [Tebrau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang akan diambil demi mengatasi masalah kekurangan pekerja tempatan dan asing yang dihadapi oleh para majikan di sektor-sektor tertentu kerana masalah tersebut telah menjejaskan perkembangan industri serta meningkatkan kos pengeluaran.

PR-1321-L59842

JAWAPAN:

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengambil langkah-langkah berikut bagi memastikan pekerja tempatan diberi peluang yang sewajarnya bagi mengisi semua kekosongan jawatan yang ada di dalam negara:

i) Pelaksanaan Gaji Minimum

Pelaksanaan Gaji Minimum yang bermula pada tahun 2013 yang memberi faedah kepada pekerja melalui penetapan gaji minimum RM900 (Semenanjung Malaysia) dan RM800 (Sabah

dan Sarawak) dan secara tidak langsung telah menggalakkan pencari kerja tempatan untuk menceburi bidang pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan.

ii) Pelaksanaan umur persaraan minimum

Pelaksanaan umur persaraan minimum yang juga bermula pada tahun 2013 telah memanjangkan tempoh perkhidmatan pekerja sehingga mencapai umur persaraan sekaligus membantu majikan menghadapi isu kekurangan tenaga kerja.

iii) Peraturan Kerja Separa Masa 2010

Penguatkuasaan Peraturan Kerja Separa Masa 2010 telah membuka ruang kepada pencari kerja yang menginginkan kerja separa masa dan membantu majikan mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja.

iv) Automasi

KSM secara dasarnya menyokong cadangan-cadangan transformasi sektor pekerjaan daripada yang bersifat berintensifkan buruh kepada automasi dan mekanisasi.

v) Bantuan kewangan

KSM juga menyediakan bantuan kewangan melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) kepada golongan pelajar untuk mendapatkan latihan kemahiran dan memenuhi keperluan industri. Golongan pekerja juga mempunyai peluang untuk meningkatkan kemahiran melalui program-program yang

ditawarkan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

vi) KSM turut mengawal kemasukan pekerja asing dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing melalui langkah-langkah seperti berikut:

a) **Sijil Perakuan JobsMalaysia**

Majikan adalah dikehendaki untuk mengiklankan kekosongan jawatan bagi membolehkan pencari kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut. Majikan yang tidak mendapat calon pencari kerja tempatan akan disokong untuk mengambil pekerja asing melalui pengeluaran Sijil Perakuan JobsMalaysia daripada Jabatan Tenaga Kerja.

b) **Levi**

Pembayaran levi akan ditanggung oleh pekerja dan langkah ini akan bertindak sebagai daya penolak kepada pekerja asing.

c) **Mekanisme G to G**

Pelaksanaan mekanisme *G to G* di mana proses penggajian pekerja dibuat di antara Kerajaan dengan Kerajaan tanpa melibatkan peranan pihak ketiga/*ejen/outsourcing*. Pada masa ini, mekanisme tersebut hanya terpakai di sektor perladangan sawit melibatkan pekerja Bangladesh sahaja.

d) **Sektor yang dibenarkan**

Penggajian pekerja asing diluluskan kepada 6 sektor sahaja iaitu sektor pembinaan, pertanian, perladangan, perkilangan dan perkhidmatan (sub sektor tukang masak restoran, pekerja pembersihan dan pencucian, pekerja resort pulau peranginan, hotel, kedi danurut kaki) yang melibatkan pekerjaan asas dan pekhidmat domestik.

e) **Program Penempatan Pekerja**

Kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja sentiasa berusaha agar program penempatan pekerjaan dapat membantu pencari kerja tempatan dijodohkan dengan majikan-majikan yang menawarkan kekosongan jawatan.

Pada masa yang sama, Kerajaan mendapati bahawa industri sektor-sektor tertentu masih memerlukan sumbangan tenaga kerja asing kerana pencari kerja tempatan kurang berminat kepada sektor-sektor tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)
DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]

SOALAN :-

Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [BATU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapa pili bomba tidak berfungsi di semua flat PPR kawasan BATU. Berapa kerap pili-pili ini dan alat pemadam api diperiksa oleh pihak Kementerian. Apakah rancangan pihak Kementerian untuk memastikan keperluan penting ini pada masa kecemasan tidak rosak.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menetapkan supaya pili bomba di kawasan jagaan Balai Bomba dan Penyelamat hendaklah membuat pemeriksaan dan ujian secara berjadual. **Pemeriksaan dan ujian pili bomba** perlu dibuat **sekurang-kurangnya sekali setahun** bagi memastikan setiap pili bomba sentiasa dalam keadaan baik.

Status dan bilangan Pili bomba di kawasan flat PPR kawasan ADUN BATU adalah seperti berikut;

Kawasan	Bilangan Pili Bomba	Status Pili Bomba
Flat PPR Batu Muda	8 Unit	Semua Dalam Keadaan Baik
Flat PPR Pekan Batu	6 Unit	Semua Dalam Keadaan Baik

*pemeriksaan terakhir adalah pada Oktober 2013

Berdasarkan kepada piawaian Malaysia, MS 1539 Part 4 : 2004, **alat pemadam api (APA) perlu diselenggara setahun sekali oleh syarikat penyelenggara APA yang berdaftar.** Adalah menjadi **tanggungjawab pemilik premis** untuk memastikan APA di premis masing-masing sentiasa **berada dalam keadaan baik dan berfungsi** untuk digunakan pada masa kecemasan.

JBPM sentiasa memantau APA di premis-premis samada melalui **pelaksanaan kerja-kerja penguatkuasaan** semasa membasmi bahaya kebakaran atau semasa **pemeriksaan premis bagi tujuan pengeluaran Sijil Perakuan Bomba** bagi premis yang ditetapkan. Jabatan juga sentiasa **mengadakan program kesedaran keselamatan kebakaran** bagi memastikan pemilik premis atau orang awam sentiasa peka dan sedar tentang kepentingan APA sebagai alat pemadaman di peringkat awal jika sesuatu kebakaran terjadi.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji
Habibollah [LIMBANG]**

TARIKH : 31.03.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 19

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian terhadap Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di kawasan Ulu Pandaruan yang mana paip-paip sudah ditanam tetapi bekalan air belum dapat disalurkan kerana tekanan kurang disebabkan tiada tangki "*high level*".

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini bersama-sama dengan pihak Jabatan Kerja Raya Sarawak telah mengenalpasti masalah ini dan bagi mengatasi masalah ini pembinaan tangki air aras tinggi (*high level water tank*) berserta dengan stesen pam penggalak (*booster pump station*) diperlukan di kawasan terbabit.

Walau bagaimanapun, memandangkan peruntukan yang terhad dan telah komited untuk pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) sedia ada, pelaksanaan projek tersebut akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan dalam RMKe-11 dan bergantung kepada kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]
TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)
SOALAN : Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa kelapa dianggap sebagai tanaman yang sangat berpotensi maju dan menguntungkan. Dijangkakan permintaan global terhadap kelapa akan jauh melebihi bekalan. Apakah Kementerian tidak bercadang menghidupkan kembali industri kelapa.

JAWAPAN OLEH : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian sentiasa berusaha untuk menggiatkan aktiviti pembangunan industri kelapa memandangkan terdapat peningkatan permintaan terhadap pelbagai produk hiliran kelapa seperti kelapa parut, kelapa parut kering, minyak kelapa, kerisik, santan kelapa, *nata de coco*, jeli kelapa dan serbuk santan kelapa di samping keluaran industri oleokimia seperti minyak kelapa dara (VCO).

Bagi memenuhi keperluan dan permintaan terhadap kelapa, strategi untuk memulihkan industri kelapa telah dirangka dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020. Strategi yang telah dikenal pasti untuk tujuan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Mempergiatkan penanaman semula dan pemulihan kawasan
Kawasan kelapa tua yang tidak ekonomik ditanam semula dengan varieti kelapa yang berhasil tinggi seperti kelapa hibrid MATAG dan kelapa pandan. Galakan dan insentif untuk Program Tanam Semula dan Program Pemulihan adalah

sebanyak RM20,000/ petani diberikan untuk tempoh empat (4) tahun. Di samping itu, Jabatan Pertanian juga memberi khidmat nasihat teknikal kepada pengusaha-pengusaha dan pemantauan yang berterusan bagi memastikan kejayaan projek. Bagi kawasan sedia ada yang masih produktif, program pemulihan dijalankan bagi meningkatkan hasil pengeluaran dengan melakukan aktiviti pembajaan, pembaikan saliran dan pengurusan perosak secara bersepadu. Galakan dan insentif sebanyak RM5,500/ petani juga diberikan untuk tempoh tiga (3) tahun.

(ii) **Mempergiatkan Program Integrasi Kawasan Kelapa**

Dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil kelapa, mereka digalakkan untuk mengusahakan tanaman kelapa secara integrasi dengan tanaman lain seperti nanas, koko, kopi, herba, tembikai dan pisang. Galakan dan insentif sebanyak RM10,000/ projek juga diberikan di bawah Program Integrasi Kelapa. Pada masa kini, tumpuan pembangunan kawasan kelapa adalah terhadap golongan pekebun kecil yang mewakili 96% daripada jumlah pengusaha kelapa di Malaysia. Selain itu, Jabatan Pertanian juga menggalakkan penglibatan syarikat/ agensi swasta untuk membangunkan kawasan kelapa pada skala komersil dengan menggunakan varieti kelapa berhasil tinggi seperti kelapa hibrid MATAG dan kelapa pandan.

Pada tahun 2013, seluas 98,533 hektar kawasan telah ditanam dengan kelapa dan hasil pengeluaran adalah sebanyak 646,932 tan metrik dengan nilai pengeluaran sebanyak RM323.5 juta.

Pada tahun 2014, Jabatan Pertanian telah menyediakan peruntukan sebanyak RM2 juta untuk menanam semula kelapa, memulihkan kawasan kelapa, integrasi kelapa dengan tanaman lain serta peningkatan pengeluaran benih kelapa bagi meningkatkan produktiviti dan pengeluaran kelapa supaya dapat memenuhi keperluan tempatan dan eksport.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]

TARIKH : 31 MAC 2014 (RABU)

SOALAN :

DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kos pelaksanaan 1MOCC dan sejauh manakah keberkesanannya terutama dalam meningkatkan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam.

JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU ANAK BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pusat Panggilan 1Malaysia (1Malaysia One Call Center atau 1MOCC) telah dilancarkan secara rasminya oleh YAB Perdana Menteri pada 12 November 2012. Fasa 1 pelaksanaan 1MOCC telah

melibatkan 21 agensi perintis, manakala 24 ibu pejabat kementerian telah terlibat dalam pelaksanaan fasa 2 1MOCC.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek 1MOCC masih di peringkat pembangunan dan akan diperluaskan ke agensi-agensi Kerajaan mengikut fasa pembangunan. Memandangkan projek ini masih di peringkat awal, kos pelaksanaan keseluruhan masih belum dimuktamadkan

Untuk makluman Yang Berhormat jua, 1MOCC telah berjaya mewujudkan pusat panggilan setempat untuk memudah cara komunikasi orang awam dengan agensi Kerajaan serta menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan melalui penggunaan satu nombor tunggal iaitu 03 8000 8000. Melalui 1MOCC, rakyat dapat membuat pertanyaan, aduan, cadangan dan maklum balas dengan agensi-agensi kerajaan yang terlibat 24 jam sehari, 7 hari seminggu dan 365 hari setahun.

Sejak 1MOCC dilancarkan hingga 28 Februari 2014, sebanyak 1,671,673 transaksi telah diterima melalui pelbagai saluran seperti telefon, sms, emel, portal myGov, faksimili, *facebook* dan *twitter*. Dalam tempoh tersebut, 99.99% peratus transaksi telah dilaksanakan dan perkhidmatan 1MOCC ini telah dapat mempercepatkan pelaksanaan tugas dan seterusnya meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 22

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2014)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENAJ]

TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk membanteras pengembangan ajaran salah dan sesat yang cuba mengelirukan dan mempengaruhi umat Islam.

JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah melaksanakan beberapa langkah bagi mengawal akidah ummah daripada penyelewengan yang berkembang dalam negara, iaitu:

- i) menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan isu-isu akidah di dalam dan luar negara merangkumi aspek ajaran sesat berkaitan pemikiran, amalan kebatilan, perbomohan, amalan tariqat dan lain-lain;
- ii) mengadakan kerjasama pintar dengan agensi berkaitan bagi mengadakan pemantauan perkembangan dan pergerakan ajaran sesat;
- iii) memfatwakan mana-mana ajaran yang disahkan menyeleweng atau bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- iv) meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan melalui jawatankuasa sedia ada antaranya Jawatankuasa Pemandu Ajaran Sesat (JAPAS), Jawatankuasa Penyelarasan Penyelidikan Islam Kebangsaan (JAPPIS), Panel Pakar Akidah (PPA) dan juga Mesyuarat Khas Isu-Isu Semasa Akidah (*Taskforce*) bagi menangani ajaran sesat;
- v) mengadakan majlis penjelasan akidah kepada pelbagai lapisan masyarakat berkenaan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan ancaman ajaran sesat; dan
- vi) mewujudkan sistem pangkalan data berkaitan ajaran sesat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Dato' Ser Tiong King Sing [Bintulu]
TARIKH : 31.3.2014
SOALAN :

Y.B. Dato' Ser Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) adakah Kementerian membuat kajian terlebih dahulu mengenai pengambilan pelajar di dalam bidang perubatan seiring dengan tahap kekurangan doktor di negara ini buat masa sekarang; dan
- (b) mengapakah pihak Kementerian menghadkan pengambilan pelajar baru di dalam bidang perubatan pada sesi pengambilan IPTA 2013/ 2014 iaitu lebih kurang 100 orang pelajar sahaja yang mengikuti bidang ini di setiap universiti yang menjalankan kursus perubatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Majlis Perubatan Malaysia (MPM), telah menjalankan kajian berkaitan jumlah pengeluaran graduan perubatan daripada institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan. Hasil kajian tersebut dan dengan kelulusan Jemaah Menteri, telah dilaksanakan moratorium ke atas penubuhan fakulti dan penawaran kursus baharu bidang perubatan di IPT selama lima tahun mulai 1 Mei 2011 hingga 30 April 2016. Moratorium tersebut dipercayai dapat

mengawal pengeluaran graduan perubatan di Malaysia dan dapat memastikan kualiti graduan-graduan tersebut tidak terjejas. KPM dengan kerjasama MPM juga sentiasa memantau program-program pengajian perubatan dengan memastikan pengambilan pelajar adalah berdasarkan kemampuan institusi dari segi fasiliti dan tenaga pengajar.

- (b) KPM melaksanakan pengurusan kemasukan pelajar ke IPTA bagi calon lepasan SPM/Setaraf dan STPM/Setaraf mengikut dasar yang telah ditetapkan. KPM tidak pernah mengehendkan pengambilan pelajar di IPTA, sebaliknya unjuran pengambilan pelajar ditetapkan sendiri oleh IPTA setelah mendapat persetujuan dan kelulusan Senat Universiti. Antara faktor yang perlu diambil kira dalam penetapan unjuran pengambilan pelajar oleh IPTA termasuklah fasiliti yang terdapat di IPTA, fasiliti di tempat latihan/praktikal dan juga ratio pensyarah dan pelajar.

NO. SOALAN: 24

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
(KLANG)
TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN:

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO (KLANG) minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan memberi bukti pandangan JAKIM yang mengatakan bahawa perpecahan di kalangan orang Islam diakibatkan oleh hasutan orang Kristian dan Yahudi. Adakah kenyataan ini benar?

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya Kerajaan sentiasa menitik beratkan soal perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Ke arah matlamat tersebut, isu-isu yang membawa kepada perpecahan sentiasa dielakkan bagi menjamin keamanan dan keharmonian negara kekal terjaga.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai agensi penyelarasan hal ehwal Islam di negara ini, sentiasa peka terhadap kepentingan dan penganut agama bukan Islam. Oleh yang demikian, persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah tidak berkaitan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 31 MAC 2014

RUJUKAN : 6576

SOALAN :

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan program *High Profile Policing* dalam usaha mencegah jenayah sekaligus menurunkan kadar jenayah dan apakah rasional meneruskan program ini dan tahap keberkesanan program ini di dalam Parlimen Kuala Selangor.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

High Profile Policing (HPP) adalah salah satu komponen di bawah inisiatif Program ***Omnipresence***, di mana pegawai kanan PDRM berpangkat Inspektor dan ke atas turun padang bersama-sama dengan anggota-anggota barisan hadapan. Rasionalnya, HPP ini bermatlamat untuk merangsang semangat pegawai-pegawai berpangkat rendah dan menekankan komitmen pegawai-pegawai kanan terhadap keselamatan masyarakat bagi meningkatkan keyakinan terhadap polis dan mengurangkan rasa takut terhadap jenayah serta memberikan ketenteraman fikiran kepada rakyat.

Keberkesanan Program HPP di kawasan Parlimen Kuala Selangor dapat dilihat dari beberapa aspek seperti berikut:-

- a. Menambahbaik persepsi orang ramai terhadap PDRM dengan membuat hebahan keselamatan melalui kereta peronda (MPV) di kawasan tumpuan ramai dan berkunjung ke rumah-rumah bagi mengedarkan *pamphlet* pencegahan jenayah.
- b. Mengeratkan hubungan antara rakyat dengan pihak PDRM dalam usaha pembanterasan jenayah bersama dengan melibatkan Ahli *Community Policing*, Persatuan Penduduk dan Skim Rondaan Sukarela – SRS.
- c. Meningkatkan tahap keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan PDRM melalui Program ***Omnipresence***.

Untuk makluman, statistik kadar jenayah indeks Daerah Kuala Selangor telah menunjukkan penurunan iaitu sejumlah 24.7% (perbandingan antara tahun 2013 [716 kes] dengan tahun 2012 [951 kes]). Dengan kejayaan ini adalah wajar program HPP diteruskan bagi mengekalkan momentum usaha mencegah jenayah

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]

SOALAN :-

Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berkenaan perancangan pembangunan sistem perparitan terancang yang kelihatan tidak seimbang dengan pelan pembangunan setempat dan adakah keadaan ini merupakan faktor penyumbang kepada punca banjir berlaku di kawasan-kawasan seperti Kuantan baru-baru ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) mengambil kira secara menyeluruh pembangunan sistem perparitan di dalam Rancangan Tempatan.

Walau bagaimanapun, bagi setiap pembangunan perumahan atau lain-lain pembangunan perlu mendapatkan kelulusan perancangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di mana pembangunan sistem perparitan ini merupakan aspek penting yang perlu diambil kira di dalam kelulusan perancangan pelan pembangunan.

Banjir yang berlaku pada bulan Disember 2013 berdasarkan kenyataan yang dipetik dari Majlis Keselamatan Negara, adalah disebabkan cuaca ekstrem yang melanda. Di Kuantan, rekod cerapan hujan dari 1 hingga 3 Disember 2013 adalah sebanyak 900 mililiter. Cerapan ini adalah tiga kali

ganda daripada jumlah cerapan sepanjang Disember bagi tahun 2012 iaitu hanya 330 mililiter sebulan. Faktor ini ditambahkan dengan fenomena air pasang besar menyebabkan air naik dengan mendadak dan adalah luar dari kebiasaan.

Pihak Majlis Perbandaran Kuantan dan Alam Flora menjalankan penyelenggaraan ke atas sistem perparitan di kawasan perumahan dan kawasan komersil. Pada waktu hujan biasa, air larian yang masuk ke longkang dapat mengalir dengan lancar ke longkang monsun seterusnya dialirkan ke Sungai Kuantan. Namun, cuaca ekstrem yang melanda pada bulan Disember 2013 menyebabkan air larian ke Sungai Kuantan tidak lancar dan berlakulah banjir.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANNUAR BIN MUSA
KAWASAN : KETEREH
TARIKH : 31 MAC 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA (KETEREH) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan siapakah kontraktor yang terpilih bagi membina Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai Fasa 1A dari Wakaf Che Yeh ke Kadok dan berapakah kos pembinaan lebuhraya berkenaan dan bila ianya di jangka siap.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan membina dan menaik taraf Jalan Kota Bharu – Kuala Krai telah dibahagikan kepada 3 pakej di mana keutamaan dalam RMKe-10 ini ialah melibatkan pelaksanaan Pakej 1B (Pasir Hor – Kadok) terlebih dahulu. Manakala fasa-fasa lain, termasuk Pakej 1A (Wakaf Siku – Pasir Hor) masih lagi belum ditender setakat ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek Pakej 1B (Pasir Hor – Kadok) telah ditawarkan secara tender terbuka kepada syarikat-syarikat kontraktor tempatan yang berkelayakan. Terdapat 52 petender telah mengambil bahagian untuk projek ini. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya telah memperakukan pemilihan syarikat Uritec Team (M) Sdn. Bhd. untuk melaksanakan projek berkenaan dengan harga kontrak RM168.4 juta dan tempoh siap selama 156 minggu (3 tahun). Surat Setuju Terima (*Letter of Acceptance*) telah dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) kepada kontraktor berkenaan pada 17 Februari 2014. Kerja-kerja pembinaan fizikal akan bermula pada bulan hadapan (April 2014) dan projek dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan April 2017.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENINGKALAN CHEPA]
TARIKH : 31 MAC 2014
SOALAN :

YB Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah cadangan untuk membina Klinik Desa Teluk Kitang yang dijanjikan akan dibuat di Lot 1275, Mukim Tebing Tinggi, Kota Bharu.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sememangnya mempunyai perancangan untuk membina Klinik Desa Teluk Kitang. Bagi membolehkan cadangan projek ini dipohon, KKM dan Jabatan Kesihatan Negeri perlu mengenal pasti tapak dan pembelian tanah bagi tujuan pembinaan klinik berkenaan terlebih dahulu.

Bagi proses ini, tapak asal tidak mencukupi untuk tujuan pembinaan Klinik Desa Teluk Kitang yang baru. Pada masa ini, penduduk sekitar boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan di fasiliti kesihatan yang berhampiran iaitu Klinik Desa Kemeruk, Klinik Desa Panji dan Klinik Kesihatan Pengkalan Chepa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN

DATUK IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pembinaan *High Speed Rail* di Malaysia Singapura. Bilakah projek ini boleh dimulakan dan disiapkan sepenuhnya.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek berkenaan kini berada di peringkat penentuan parameter yang melibatkan penstrukturan butiran terperinci projek, kaedah-kaedah perlaksanaan dan perolehan. Pembinaan projek dijangka dimulakan setelah kerja-kerja perancangan seperti di atas diselesaikan.

2. Di samping itu, Mesyuarat *Joint Ministerial Committee* (JMC) di antara Malaysia dan Singapura yang terkini telah diadakan pada bulan Januari 2014, dimana sebuah jawatankuasa kerja HSR telah dibentuk bagi membincangkan pelaksanaan projek dari segi teknikal, komersial dan perundangan (termasuk polisi) serta aspek rundingan dua hala.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)
DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]

SOALAN :-

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan kes yang dibicarakan di Mahkamah Tribunal Pengguna Pembeli Rumah diterima dan telah selesai dibicarakan. Dan apakah tindakan Kementerian terhadap pemaju yang enggan membayar pampasan atau sengaja diperlambatkan kepada penghakiman yang dibuat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemfailan kes di Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) dari tahun 2003 sehingga Januari 2014 adalah sebanyak 36,280 kes dan sebanyak 35,890 kes telah diselesaikan, yang mana peratus pencapaian penyelesaian kes dari tahun 2003 sehingga Januari 2014 adalah sebanyak 98.93%. Sebanyak 390 kes masih belum diselesaikan dan ini melibatkan kes yang didaftarkan pada tahun 2013 sebanyak 124 kes dan kes yang didaftarkan pada Januari 2014 iaitu sebanyak 266 kes. Bermula tahun 2013, TTPR juga telah menetapkan "Key Performance Indicator" (KPI) untuk penyelesaian kes dalam tempoh 120 hari bekerja dari tarikh pemfailan di mana pencapaian KPI ini pada tahun 2013 adalah 99.81%.

Jumlah pendaftaran kes ingkar award TTPR yang disebabkan oleh keengganan pembayaran pampasan atau gantirugi oleh pemaju dari tahun 2013 sehingga Januari 2014 adalah sebanyak 5018 kes. Kementerian melalui TTPR akan mendaftarkan kes ingkar award tersebut di Mahkamah

Majistret/ Sesyen untuk penguatkuasaan undang-undang di bawah seksyen 16AC dan 16AD Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Pelesenan) 1966 [Akta 118].

Seksyen 16AC boleh dikuatkuasakan terhadap Penentang dengan memfailkan apa-apa prosiding pelaksanaan yang antara lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada Saman Penghutang Penghakiman, Writ Penyitaan dan Penjualan atau Prosiding Garnisi di Mahkamah tersebut.

Seksyen 16AD pula memperuntukkan bahawa pemaju boleh didakwa dan dikenakan penalti jenayah dengan denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Tindakan seksyen 16AD ini akan dibuat oleh Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Perumahan Negara bagi menguatkuasakan undang-undang tersebut. TTPR tiada bidangkuasa untuk melaksanakan pelaksanaan perintah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]

TARIKH : 31 MAC 2014

SOALAN :

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi menggalakkan dan membangunkan industri kenaf selaras dengan penubuhan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) selaras dengan penguatkuasaan Akta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2009 untuk membangunkan industri kenaf sebagai Sumber Pertumbuhan Baru di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah Kerajaan yang diambil bagi menggalak dan membangunkan industri kenaf adalah seperti berikut:

- i. Membekalkan benih berkualiti kepada para penanam kenaf yang dilakukan melalui kerjasama dengan institusi penyelidikan dalam dan luar negeri. Langkah ini akan membolehkan peningkatan hasil kenaf ke paras yang lebih tinggi;
- ii. Menggalakkan para penanam kenaf mengamalkan amalan pertanian yang baik, termasuk jadual pembajaan dan pengawalan rumpai;
- iii. Menyediakan insentif bernilai RM2,385 sehektar semusim dalam bentuk input pertanian seperti benih, baja dan racun. Selain itu, para pengusaha tanaman kenaf juga disediakan kemudahan jentera pembajakan dan penuaian;
- iv. Menyediakan fasiliti dalam bentuk pusat pengumpulan bagi membolehkan pemprosesan hasil kenaf. Sehingga kini, 14 buah pusat pengumpulan di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Negeri Sembilan dan Johor telah pun ditubuhkan; dan

- v. Bekerjasama dengan syarikat kenaf untuk mewujudkan ladang kenaf berskala komersil secara *integrated farming*, *contract farming* atau ladang kluster dengan penglibatan pekebun kecil.

Bagi memacu pembangunan industri kenaf, Kementerian dalam proses memuktamadkan Pelan Induk Pembangunan Industri Kenaf (PIPK). Pelan ini akan membolehkan pelaksanaan strategi dan program-program pembangunan sektor huluan dan hiliran berasaskan kenaf. Ini bertujuan untuk memperkasakan industri kenaf sebagai sumber pertumbuhan baru dalam jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' KAMARUL BAHARIN ABBAS**
KAWASAN : **TELOK KEMANG**
TARIKH : **31.3.2014 (ISNIN)**
NO. SOALAN : **32**

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN ABBAS minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kementerian bercadang menawarkan insentif untuk menarik pelabur pembuat alat, alat ganti, komponen kereta berikutan dengan pelaksanaan Dasar Automotif Nasional (NAP) sepertimana adanya insentif yang ditawarkan oleh negara-negara jiran supaya pembuat *Global Energy Efficient Vehicle (EEV)* bertapak di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Salah satu strategi utama yang digariskan oleh Kerajaan di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 adalah pembangunan rangkaian pembekal komponen dan alat ganti. Ini selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan lagi tahap kecekapan dan daya saing pengeluar komponen supaya dapat menyumbang ke arah peningkatan kualiti dan keselamatan kenderaan yang dikeluarkan serta menawarkan harga mampu milik kepada rakyat Malaysia.

Oleh yang demikian, NAP 2014 telah menyediakan insentif berikut bagi pembangunan rangkaian pembekal komponen:

- (i) peruntukan berjumlah RM765 juta di bawah Skim Pinjaman Mudah bagi tempoh 2014 hingga 2020 kepada syarikat pengeluar *Tool, Dies and Mould* (TDM). Ini bagi membantu mengurangkan kos pembangunan model baharu yang tinggi kerana 40 peratus daripada keseluruhan kos tersebut merangkumi kos bagi aktiviti *tooling*; dan
- (ii) peruntukan berjumlah RM295 juta di bawah Skim Pinjaman Mudah bagi tempoh 2014 hingga 2020 untuk syarikat-syarikat pengeluar komponen dan alat ganti bagi meningkatkan daya saing dengan penambahbaikan proses melalui automasi, konsolidasi, usahasama, kerjasama teknikal dan lain-lain. Peruntukan ini adalah untuk membiayai aktiviti-aktiviti seperti keupayaan penyelidikan gunaan (aktiviti pra-pengkomersilan), reka bentuk dan pembuatan produk dan/atau *tooling*.

Di samping itu, satu pelan hala tuju bagi peningkatan daya saing rangkaian bekalan komponen dan alat ganti automotif telah turut dibangunkan. Pelan ini akan membantu Kerajaan untuk mengambil usaha-usaha ke arah meningkatkan lagi daya saing rangkaian pembekal komponen dan alat ganti dari segi kecekapan dan keberkesanan operasi secara berterusan. Pelan hala tuju ini, antara lain meliputi aspek-aspek seperti peningkatan sistem pengurusan kualiti, operasi, pengurusan perniagaan serta peningkatan keupayaan dari segi kapasiti ujian dan validasi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK MADIUS TANGAU

TARIKH: 31 MAC 2014

SOALAN:

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya setiap graduan mendaftar di portal Job Malaysia atau mana-mana portal mencari pekerjaan.

PR-1321-L60758

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan tidak berhasrat untuk membuat suatu peraturan agar setiap graduan lepasan institut pengajian tinggi untuk berdaftar di portal JobsMalaysia atau mana-mana portal mencari pekerjaan yang lain. Rakyat negara ini disaran untuk menggunakan portal JobsMalaysia kerana perkhidmatan ini adalah percuma.
2. Mengikut statistik JobsMalaysia, pada sepanjang tahun 2013 seramai 239,578 (55%) graduan daripada 435,474 jumlah keseluruhan pencari kerja telah mendaftar sebagai pencari kerja di

portal JobsMalaysia. Daripada jumlah graduan berkenaan seramai 56,646 (23.6%) graduan telah berjaya ditempatkan pekerjaan dipelbagai bidang.

3. Antara usaha Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam memastikan orang ramai mudah menggunakan perkhidmatan portal JobsMalaysia ialah dengan mewujudkan Pusat JobsMalaysia (*JobsMalaysia Centre* – JMC) dan *JobsMalaysia Point* (JMP). Sehingga hari ini sebanyak 18 JMC dan 99 JMP telah diwujudkan diseluruh negara bagi membantu pencari-pencari kerja mendaftar dan diijodohkan di dalam portal JobsMalaysia, klinik kerjaya, membantu dalam penyediaan *resume* serta persediaan menghadapi temuduga. JMC ini turut beroperasi pada hari Sabtu bagi memaksimumkan *access* orang awam terhadap perkhidmatan yang ditawarkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
[TITIWANGSA]**

TARIKH : 31 MAC 2014

RUJUKAN : 6575

SOALAN:

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a)berapakah jumlah kafe berinternet yang telah dikenal pasti menjalankan kegiatan judi internet di premis-premis di sekitar Kuala Lumpur; dan
- (b)apakah tindakan berterusan yang diambil oleh pihak Kementerian dalam mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), pihak PDRM, khasnya Jabatan Siasatan Jenayah amat peka dan sensitif kepada isu-isu berkaitan perjudian haram termasuk perjudian melalui komputer di pusat-pusat “Cyber Cafe” di seluruh negara. Pihak polis sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Statistik serbuan, tangkapan dan rampasan yang dilaksanakan ke atas pusat-pusat perjudian “Cyber Cafe” di Kuala Lumpur bagi tahun 2012 dan tahun 2013 seperti berikut:-

TAHUN	SERBUAN	TANGKAPAN	RAMPASAN
2012	10,453	3,066	12,293
2013	8,671	1,860	12,683

Bagi menjawab soalan (b), antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:-

- i) **Memperhebatkan tindakan tegas pembanterasan kegiatan mesin perjudian berkomputer dengan tumpuan dan skala yang lebih besar di seluruh negara.**

- ii) Mengenalpasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian haram dan mendakwa mereka di bawah undang-undang yang berkaitan.**

- iii) Mengambil tindakan ke atas pemain serta penganjur kegiatan perjudian haram di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan Akta Pertaruhan 1953 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.**

- iv) Bekerjasama dengan lain-lain agensi kerajaan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta kerajaan tempatan dalam usaha bersungguh-sungguh membanteras kegiatan haram ini.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah terdapat rancangan oleh pihak Kementerian untuk mengkaji semula pemberian bantuan bulanan khususnya untuk penduduk pendalaman Baram yang terpaksa menampung kos pengangkutan tinggi bagi menuntut bantuan mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan kepada keluarga dan individu yang miskin dan memerlukan bantuan bagi membolehkan mereka meneruskan kelangsungan hidup.

Pada masa ini, KPWKM sedang mengkaji semula mekanisme pemberian bantuan yang disalurkan dengan mengambil kira keperluan asas sesebuah keluarga selaras dengan kos sara hidup semasa. Pada masa yang sama, Kementerian turut memberi tumpuan kepada pendekatan *productive welfare* bagi membantu para penerima bantuan kebajikan keluar daripada kepompong kemiskinan. Antara program yang diperkenalkan ialah program 1AZAM yang telah mencatatkan penyertaan sejumlah 140,296 orang di seluruh negara dari tahun 2010 hingga 2013. Program ini menyediakan peluang menjana pendapatan kepada rakyat berpendapatan rendah termasuk penerima bantuan JKM yang produktif agar mereka dapat hidup

berdikari dan tidak berterusan bergantung kepada pemberian bantuan kebajikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 31 MAC 2014

RUJUKAN : 6577

SOALAN:

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kementeriannya dalam menghadapi mana-mana perhimpunan dan demonstrasi pada masa hadapan akan mengambil kira pandangan Mufti Negeri Perak, Tan Sri Datuk Harussani Zakaria, bahawa rakyat yang turun berhimpun dan berdemonstrasi adalah 'Bugyah' yang dihalalkan darah mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menghadapi mana-mana perhimpunan dan demonstrasi, Polis Diraja Malaysia tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba mencetuskan ketegangan dan mengganggu ketenteraman awam di dalam negara. PDRM hanya mengambil tindakan berdasarkan peruntukan undang-undang negara yang sedia ada dan tidak berlandaskan kepada perkara yang bukannya tergolong dalam bidang kuasa undang-undang negara.

Pihak penganjur mana-mana perhimpunan dan demonstrasi mestilah mematuhi undang-undang yang sedia ada dan garis panduan yang telah ditetapkan. Jika didapati mana-mana pihak tidak mematuhi undang-undang yang sedia ada, mereka akan diambil tindakan yang sewajarnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK CHUA TEE YONG
(LABIS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31.03.2014

Y.B. DATUK CHUA TEE YONG [LABIS] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk membanteras masalah pengaliran wang haram di Malaysia seperti yang dilaporkan oleh *Global Financial Integrity*.

JAWAPAN

Saya memohon untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Labis bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Alor Setar yang dijadualkan dijawab pada 7 April 2014 kerana ketiga-tiganya menyentuh perkara dan isu yang sama.

2. Laporan yang dikeluarkan oleh Global Financial Integrity (GFI) yang menganggar 'aliran kewangan yang tidak direkodkan' sebagai 'aliran kewangan haram' adalah tidak tepat berdasarkan kesahihan kaedah yang digunakan oleh GFI untuk menganggar jumlah aliran kewangan haram. Akibatnya, jumlah yang dinyatakan oleh GFI ternyata terlebih anggar dengan ketara.

3. GFI bukanlah sebuah badan yang pakar dalam menilai aliran kewangan antarabangsa. Isu aliran keluar wang haram tidak pernah dikenalpasti sebagai suatu masalah besar dalam perbincangan antara pihak berkuasa negara dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia (World Bank).

4. Kerajaan sangat memandang serius terhadap sebarang kegiatan yang melanggar undang-undang dan peraturan negara. Pelbagai langkah pencegahan telah pun diambil oleh Kerajaan untuk membanteras aliran keluar kewangan haram. Kerjasama antara agensi berhubung isu aliran keluar kewangan haram telah bermula seawal tahun 2008 lagi (sebelum laporan GFI diterbitkan), dan diselaraskan oleh Pasukan Petugas Khas

Pelbagai Agensi Peringkat Tinggi (Pasukan Petugas).

5. Langkah-langkah yang telah diambil tertumpu kepada rangka kerja pengawalseliaan, memperhebatkan usaha penguatkuasaan dan mempertingkatkan mekanisme pengawasan. Langkah-langkah ini telah memberikan hasil positif dan akan terus diperhebat.

6. Sejak tahun 2011, sebanyak 104 kes telah disiasat di bawah usaha sama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kastam Diraja Malaysia untuk membanteras kegiatan pengelakan cukai dan duti kastam. Usaha sama ini telah menghasilkan peningkatan pungutan cukai dan duti agensi terbabit.

7. Akta Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA 2001) juga sedang disemak antaranya, melalui langkah:

- a. Memperkukuh langkah-langkah untuk menguatkuasakan pengisytiharan wang tunai dan instrumen pembawa boleh niaga masuk dan keluar sempadan Malaysia;

- b. Memperkukuh dan menyelaraskan kuasa penyiasatan dan pendakwaan di bawah AMLATFA 2001 bagi kes-kes yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan; dan
- c. Memastikan syarat-syarat piawaian antarabangsa dipatuhi dan memberi penerangan tentang syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh institusi yang membuat laporan.

8. Pada masa yang sama, Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah menguatkuasakan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (APPW 2011). APPW 2011 melengkapkan lagi langkah-langkah yang dilaksanakan di bawah AMLATFA 2001, bagi memperkukuh perlindungan negara daripada kegiatan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, serta aktiviti haram yang lain.

Sehingga kini:

- a. Bilangan pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang telah dikurangkan kepada 474 daripada 839 berikutan langkah pelesenan semula semua perniagaan perkhidmatan wang di bawah APPW 2011;
- b. 97 lesen perniagaan perkhidmatan wang telah dibatalkan oleh pihak BNM atas pelbagai kesalahan, termasuk penglibatan dalam pemindahan dana secara haram;

- c. 80 pemegang lesen telah dikompaun kerana melanggar peruntukan pelbagai undang-undang; dan
 - d. 47 syarikat telah didakwa di mahkamah atas kesalahan menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan wang secara haram (40 daripadanya telah disabitkan kesalahan dan dikenakan tindakan yang sewajarnya).
 - e. Pada masa yang sama, bilangan peserta industri yang layak untuk menawarkan perkhidmatan pengiriman wang berlesen telah meningkat. Buat masa ini, terdapat 34 penyedia perkhidmatan pengiriman wang berlesen dan 132 ejen yang menyediakan perkhidmatan pengiriman wang melalui lebih daripada 1,800 premis yang beroperasi di seluruh negara.
9. Menyedari kepentingan menangani aliran kewangan yang berkaitan dengan aktiviti luar aturan (*irregular activities*), usaha berterusan yang konkrit dan bersepadu antara agensi penguatkuasaan termasuk agensi-agensi antarabangsa akan terus dilaksanakan bagi memastikan sistem kewangan Malaysia berintegriti dan stabil.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK WIRA HAJI AHMAD HAMZAH**
KAWASAN : **JASIN**
TARIKH : **31.3.2014 (ISNIN)**
NO. SOALAN : **38**

Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD HAMZAH minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan dalam usaha Kerajaan menjadikan harga kenderaan lebih kompetitif selaras dengan pengumuman Dasar Automatif Nasional (DAN) 2014, apakah langkah dan insentif yang diambil untuk terus menggalakkan syarikat automotif luar membuka kilang pemasangan di negara ini dan juga pengeluaran kenderaan cekap tenaga (EEV).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, salah satu strategi utama NAP 2014 adalah membangunkan Malaysia sebagai hab pengeluaran serantau bagi kenderaan bertenaga efisien (*Energy Efficient Vehicle* - EEV) menjelang tahun 2020. Sehubungan itu, antara langkah-langkah yang telah digariskan adalah:

- (i) pengeluaran Lesen Pengilang baharu bagi kenderaan dalam kategori EEV bagi semua segmen kenderaan tanpa sebarang sekatan kapasiti enjin atau harga atas jalan;
- (ii) pemberian insentif *customised* bagi menarik lagi pelaburan strategik dalam kategori kenderaan EEV dan pengeluaran komponen bernilai tambah tinggi dan kritikal bagi menyokong kenderaan EEV; dan
- (iii) pemberian insentif *customised* bagi membangunkan sektor strategik supaya ekosistem automotif dapat dipertingkatkan. Antara sektor strategik adalah enjin, transmisi dan sistem kawalan, set dai dan acuan (*die and mould*), acuan aluminium dan *non-ferrous*.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]
TARIKH : 31.03.2014 (ISNIN)

TUAN TONY PUA KIAM WEE minta MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan:-

- (a) penggunaan gula (*sugarconsumption*) setiaptahunsejak 2005; dan
- (b) sebab pasaran gula tidakdibebaskansedangkan gula tidaklagidisubsidiolehKerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Penggunaan gula bagi setiap tahun sejak 2005 ialah :

- i. 2005 – 1.18 juta tan metrik
- ii. 2006 – 1.21 juta tan metrik
- iii. 2007 – 1.25 juta tan metrik
- iv. 2008 – 1.24 juta tan metrik
- v. 2009 – 1.24 juta tan metrik
- vi. 2010 – 1.30 juta tan metrik
- vii. 2011 – 1.39 juta tan metrik
- viii. 2012 – 1.35 juta tan metrik
- ix. 2013 – 1.40 juta tan metrik

Walaupun subsidi gula telah dimansuhkan semenjak 26 Oktober 2013, pasaran gula masih lagi dibekalkan dengan mencukupi oleh empat pengilang iaitu Malayan Sugar Manufacturing Company Berhad (MSM), Central Sugars Refinery Sdn Bhd (CSR), Gula Padang Terap (GPT) dan Kilang Gula Felda Perlis (KGFP). Kesemua pengilang ini masih terikat dengan kontrak pembelian gula tidak bertapis dari pembekal luar negara menerusi *Long Term Contract* (LTC) bagi tempoh 2012-2014.

LTC ini dilaksanakan bagi setiap 3 tahun bagi memastikan bekalan gula dalam negara adalah mencukupi dan harga adalah stabil. Tujuan LTC ini adalah untuk melindungi negara dari apa-apa perubahan luar jangka (*volatility*, dengan izin) di dalam pasaran komoditi gula antarabangsa.

Selain daripada empat pengilang tersebut, Kerajaan juga telah meluluskan 2 lesen mengilang gula kepada Admuda Sdn Bhd dan Kilang Gula Sabah. Walaupun diberikan kelulusan, kedua-dua pengilang tersebut masih belum beroperasi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMPUT]

TARIKH : 31 MAC 2014

RUJUKAN : 6710

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan cadangan anggota-anggota polis trafik atau warden trafik agensi lain ditempatkan di luar Garden International School di Mont Kiara dan Lyc FranCis de Kuala Lumpur di Jalan Dutamas Raya khususnya sebelum dan selepas waktu sekolah bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang amat teruk dan cadangan penyelesaian kekal masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penugasan anggota trafik adalah untuk mengawal aliran trafik di tempat-tempat yang dikenalpasti berlaku kesesakan pada waktu puncak di seluruh negara di samping tugas untuk menyiasat kes-kes kemalangan dan mengiring pembesar luar negara dan dalam negara. Cadangan untuk anggota trafik bertugas secara kekal di tempat-tempat tertentu seperti di Sekolah Garden International School, Mont Kiara dan Lyc Francis de Kuala Lumpur di Jalan Dutamas Jaya tidak boleh dilaksanakan memandangkan penugasan tersebut akan menjejaskan perancangan secara keseluruhan penugasan anggota trafik di Lembah Klang. Kesesakan bukan sahaja berlaku di sekolah berkenaan tetapi berlaku di semua sekolah di waktu sesi persekolahan. Pendekatan segera yang boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah adalah dengan melantik warden lalulintas di kalangan petugas sekolah atau pengawal sekolah yang digajikan di sekolah berkenaan.

SOALAN NO. 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bantuan dan sokongan yang diberikan kepada kanak-kanak autistik, di mana autistik dianggarkan membabitkan 1 daripada setiap 150 orang kanak-kanak yang dilahirkan dan ia merupakan kecacatan neurologi yang boleh dirawat tetapi tidak dapat dipulihkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) amat prihatin mengenai kesejahteraan dan kebajikan orang kurang upaya (OKU). Sehubungan ini, KPWKM menyediakan program sokongan dan skim bantuan yang membolehkan kanak - kanak autisme menjalani kehidupan yang lebih sempurna.

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menubuhkan sebanyak 486 buah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) iaitu program yang melibatkan pembabitan secara aktif ibu bapa / penjaga ahli keluarga golongan kurang upaya dan komuniti setempat untuk membantu OKU hidup berdikari dan diintegrasikan dalam masyarakat. Hingga bulan Disember 2013, seramai 21,138 OKU telah mendapat manfaat daripada 486 buah PDK di seluruh negara.

KPWKM juga menubuhkan TASKA OKU pada tahun 2013 di mana salah sebuah TASKA OKU tersebut telah dikhususkan kepada kanak-kanak yang

mengalami autisme. Dalam hal ini, Persatuan Autisme Sibul telah membuka TASKA Autisme di Sibul, Sarawak dengan peruntukan awal kerajaan sebanyak RM500,000.

Selain itu, Pusat Permata Kurnia di bawah Permata Negara akan dibuka di Sentul, Kuala Lumpur bagi memenuhi keperluan kanak-kanak yang mengalami masalah autisme dan keluarga mereka. Pusat ini telah mula dibina pada bulan Ogos 2013 dan dijangka siap pada bulan Februari 2015. Program intervensi awal secara komprehensif ini bakal mengurangkan beban keluarga yang mempunyai anak autisme. Projek yang dibiayai oleh kerajaan ini akan menawarkan tiga jenis perkhidmatan termasuk program intervensi sepenuh masa untuk 100 hingga 150 kanak-kanak yang berusia antara empat hingga enam tahun. Perkhidmatan intervensi sokongan keluarga yang berhasrat untuk mempelajari teknik intervensi yang boleh diaplikasi di rumah juga akan disediakan oleh pusat ini selain program latihan kepada pendidik, ahli terapi, ibu bapa dan orang ramai yang merangkumi pelbagai aspek autisme.

Dari segi bantuan kewangan, KPWKM melalui JKM turut memberi bantuan kewangan kepada golongan OKU autisme seperti bantuan sebanyak

RM150.00 sebulan yang diberikan kepada kanak-kanak yang menghadiri latihan di PDK.

Selain itu, Kementerian Pendidikan menerusi Bahagian Pendidikan Khas menyalurkan bantuan Elaun Murid Khas (EMK) kepada setiap murid yang tergolong dalam kategori orang kurang upaya (OKU) termasuk autisme. Mulai tahun 2009, kadar Elaun Murid Khas (EMK) yang telah diluluskan bagi seorang murid yang layak ialah RM150.00 sebulan.

JKM juga menyalurkan elaun khas sebanyak RM150.00 seorang kepada murid / pelatih OKU termasuk autisme di Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK). Ia diberi kepada kanak-kanak yang mengikuti program pemulihan di sekolah pendidikan khas kelolaan PSK yang diiktiraf oleh Jabatan Pelajaran melalui sijil perakuan pendaftaran.

Tuan Yang Dipertua,

Selain inisiatif agensi kerajaan, pihak PSK dan swasta juga ada menyediakan program intervensi awal kepada kanak-kanak yang mengalami autisme termasuk kepada ahli keluarga, misalnya Persatuan

Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM). Pada masa ini terdapat 19 buah pusat NASOM di seluruh negara dengan 16 pusat menyediakan program pendidikan awal dan bakinya menyediakan latihan vokasional kepada golongan autisme. Pada tahun 2013, pihak kerajaan telah memperuntukkan geran sebanyak RM656,880.00 kepada NASOM.

Di samping itu, Seminar Antarabangsa Autisme Malaysia 2014 yang bertemakan "*Autism Is Not A Tragedy, Ignorance Is*" akan diadakan pada 22 dan 23 April 2014 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Seminar ini bertujuan untuk memberi penekanan tentang kepentingan penyediaan perkhidmatan intervensi yang berkualiti kepada kanak-kanak autisme. Seminar ini turut memberi peluang kepada para peserta dari dalam dan luar negara berkongsi pandangan, pengalaman dan kepakaran dalam aspek intervensi dan pendidikan kanak-kanak autisme. Seramai 800 orang peserta dari luar dan dalam negara yang terlibat dengan perkhidmatan intervensi, sokongan kepada ibu bapa, perkembangan kemahiran dan pendidikan autisme dijangka menghadiri seminar ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN JEFF OOI CHUAN AUN**

TARIKH : **31 MAC 2014 (ISNIN)**

SOALAN : **42**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kenapa SKMM Wilayah Utara masih mewajibkan Telekom Malaysia sebagai agensi tunggal bagi menyemak dan mengesahkan pelan serta mengeluarkan surat sokongan bagi semua permohonan pembangunan sebelum ia boleh dipanjangkan ke Pusat Setempat (OSC) bagi tujuan kebenaran merancang pembangunan di peringkat PBT. Nyatakan ketetapan SKMM mengenai perkara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melalui Pejabat Wilayah Utara **tidak menghadkan** para pemohon atau pemaju untuk mendapatkan surat sokongan daripada satu pihak Penyedia Kemudahan Rangkaian sahaja. Malahan, para pemohon dan pemaju bebas untuk mendapatkan khidmat semakan dan pengesahan pelan serta Surat Sokongan daripada mana-mana Penyedia Kemudahan Rangkaian (Network Facilities Provider) yang dilesenkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN
: ATIQULLAH
KAWASAN : KUBANG KERIAN
TARIKH : 31 MAC 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH (KUBANG KERIAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan antara tanggungjawab yang wajib dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan ialah menyediakan kemudahan infrastruktur bermutu kepada negeri-negeri. Berapakah panjang jalan-jalan Persekutuan yang telah dibina di negeri Kelantan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kerja Raya bertanggungjawab untuk membina dan menyelenggara rangkaian Jalan Persekutuan utama di negara ini, manakala pembinaan dan penyelenggaraan jalan negeri pula terletak dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing.

Pada masa kini jarak panjang keseluruhan Jalan Persekutuan di seluruh negara ialah 17,457 km. Daripada jumlah tersebut, panjang jalan persekutuan yang diwartakan di Negeri Kelantan adalah sepanjang 1,261 km atau 7.2%.

Sekian. Terima kasih.

NO SOALAN: ~~39~~
44

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @
WONG NYUK FOH
[SANDAKAN]**

**TARIKH : 31.03.2014
(ISNIN)**

SOALAN :

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah Pusat Latihan Khidmat Negara untuk 2013 dan 2014, jumlah yang telah dibelanjakan untuk program tersebut, jumlah kes kemalangan, kematian, dan jenayah bagi setiap tahun sejak program dimulakan. Apakah langkah-langkah untuk menjamin keselamatan peserta dan bagaimana menilai sama ada manfaat program melebihi kos.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang kini sedang beroperasi adalah sebanyak 81 buah kem. Purata kos perbelanjaan untuk melaksanakan PLKN ialah di antara RM550 juta hingga RM650 juta setahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak Program Latihan Khidmat Negara dilaksanakan tiada kes kemalangan yang berlaku semasa pelatih menjalani latihan. Bagi kes jenayah, hanya satu kes yang berlaku pada tahun 2013. Keseluruhan kes pelatih PLKN yang meninggal dunia dalam tempoh latihan adalah 20 kes.

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) sentiasa mengambil perhatian utama ke atas keselamatan pelatih. Antara langkah-langkah keselamatan yang diambil ialah semua pelatih dikehendaki mengisytiharkan tahap kesihatan dan menjalani pemeriksaan

perubatan sebelum menjalani latihan. Selain daripada itu, staf perubatan yang mencukupi juga ditempatkan di semua Pusat Perubatan kem PLKN bagi mengurus perkara-perkara yang berkaitan dengan kesihatan pelatih. JLKN juga telah mewujudkan Garis Panduan Minimum bagi kemudahan prasarana sebagai panduan semua kem. JLKN juga bekerjasama dengan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH) untuk membuat pemeriksaan berkala berkaitan dengan kemudahan latihan di semua kem PLKN bagi memastikan tahap keselamatan pelatih terjamin semasa menjalani latihan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Pemeriksaan Kendiri terhadap kemudahan kem dan kemudahan latihan juga membantu meningkatkan tahap keselamatan pelatih. Modul Pencegahan Jenayah dilaksanakan dengan kerjasama pihak polis pada minggu pertama pelatih menjalani latihan. Di samping itu seorang anggota polis ditempatkan secara tetap di setiap kem PLKN. Bagi memperteguhkan aspek keselamatan, JLKN telah mewujudkan Perintah Tetap Kem PLKN sebagai panduan semua komander kem PLKN dalam urusan

mentadbir dan mengawal selia pelatih-pelatih PLKN sepanjang menjalani latihan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, JLKN telah menjalankan beberapa kajian keberkesanan PLKN dengan kerjasama pusat pengajian tinggi awam seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Di samping itu, Kajian Perspektif Pelatih turut dilaksanakan pada setiap siri latihan. Semua kajian ini telah menunjukkan keberkesanan program ini.

Terkini, JLKN sedang merangka dan membentuk kajian keberkesanan PLKN dengan sebuah universiti tempatan bagi menilai tahap keberkesanan PLKN setelah 10 tahun pelaksanaannya PLKN. Ianya dijangka akan dilaksanakan pada tahun ini.

NO. SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 31 MAC 2014

RUJUKAN : 6578

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kepada Dewan berapakah jumlah MyKad yang dilaporkan hilang sejak MyKad dikuatkuasakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut rekod Kementerian Dalam Negeri, jumlah Kad Pengenalan bertaraf Warganegara Malaysia (MyKad) yang hilang sejak dikuatkuasakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pada tahun 2006 sehingga tahun 2013 adalah sebanyak 3,072,996 keping.

NO. SOALAN: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]**

TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN :

DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci berhubung pembabitan masyarakat Bumiputera tempatan dalam Projek Pembangunan Iskandar Malaysia.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam pembangunan Iskandar Malaysia, masyarakat Bumiputera tempatan tidak dilupakan malah sentiasa dilibatkan dalam projek-projek pembangunan di pelbagai peringkat yang bersesuaian. Pendekatan yang dilakukan adalah melibatkan pendedahan kepada peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan yang bakal wujud di Iskandar Malaysia (IM) dan juga program-program peningkatan kemahiran serta sahsiah.

Dari segi pembabitan masyarakat Bumiputera dalam bidang perniagaan, projek-projek pemangkin di Iskandar Malaysia seperti LEGOLAND, Pinewood Iskandar Malaysia telah membuka peluang kepada usahawan Bumiputera untuk menyertai kegiatan ekonomi di kawasan sekitar seperti membuka kiosk, kedai makanan dan minuman.

Penyediaan ruang perniagaan di dalam Iskandar Malaysia juga telah wujud melalui kerjasama strategik dengan agensi lain yang berkaitan seperti penyediaan premis perniagaan oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNS). Kini, sebanyak 5 gerai jualan telah disediakan bagi usahawan kecil Bumiputera dalam mempromosi mikro francais di Iskandar Malaysia. Bagi program ini juga, sebanyak 14 usahawan Bumiputera telah menerima

bantuan kewangan yang bernilai lebih daripada RM180,000 bagi memulakan perniagaan francais.

Di Iskandar Malaysia, daripada 898 PKS yang mendaftar di bawah SME Corp, sebanyak 29.1% Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) adalah milik Bumiputera.

Manakala, daripada sebanyak 124,318 perniagaan yang berdaftar dengan 5 majlis perbandaran di kawasan Iskandar Malaysia, iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Johor Bahru Tengah, Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Kulai dan Majlis Daerah Pontian, sejumlah 18% adalah perniagaan dimiliki oleh Bumiputera dalam sektor perkhidmatan, makanan dan industri pembuatan makanan.

Dari segi statistiknya, di Iskandar Malaysia sektor pembuatan makanan (Bumiputera 80%), hospitaliti (Bumiputera 37%) dan sektor petrokimia (Bumiputera 32%)

Bagi tahun 2014, IRDA telah merangka pelbagai program bagi penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan. Diantaranya ialah kursus penggunaan internet sebagai medium pemasaran bagi produk-produk PKS bagi meningkatkan pemasaran sama ada domestik dan juga antarabangsa. Bagi syarikat Bumiputera berprestasi tinggi pula, TERAJU@Iskandar Malaysia telah meluluskan sebanyak 15 projek dengan jumlah keseluruhan hampir RM67 juta. Pada tahun ini, sebanyak RM33 juta lagi dana akan diperuntukkan bagi keperluan syarikat Bumiputera yang memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 31 MAC 2014

SOALAN :

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [LEMBAH PANTAI] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) usaha Kerajaan dalam membuat proses persempadanan semula tidak berat sebelah dengan mempertimbangkan kesemua 18 cadangan untuk pembaharuan pilihan raya oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC); dan
- (b) jangka masa dan perancangan untuk mewujudkan sebuah suruhanjaya persempadanan semula yang berdikari dan bebas.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan mempersempadankan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Bahagian I dan II Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:
- i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri;
 - ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
 - iii. Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan;
 - iv. Mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

Sehingga kini, Kerajaan berpandangan prinsip-prinsip persempadanan bahagian pilihan raya yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan masih lagi relevan untuk dilaksanakan dalam urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak berhasrat untuk menyemak semula prinsip-prinsip persempadanan tersebut. Kerajaan percaya apa yang dilakukan oleh SPR dalam urusan persempadanan adalah adil kepada semua pihak dan selaras dengan prinsip-prinsip persempadanan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah sebuah badan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan keahliannya dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Bidang kuasa dan tanggungjawab SPR seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan adalah merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan Penjalanan Pilihan Raya, Pendaftaran Pemilih dan Persempadanan Semula Bahagian-Bahagian Pilihan Raya.

Dalam melaksanakan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian Pilihan Raya, SPR tertakluk kepada Jadual ke 13 Perlembagaan Persekutuan yang mana sebarang cadangan persempadanan semula atau pertambahan kawasan pilihan raya perlu mendapat persetujuan Parlimen selepas ianya dibahas. Kerajaan berpandangan bahawa SPR adalah mampu dan berupaya untuk melaksanakan tanggungjawab mereka sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal 1 dan 2,

Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan dengan baik dan sempurna.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN : 48

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- a) bilangan kereta mewah *supercars* yang telah dijual di Pulau Langkawi dan Labuan dalam tempoh lima tahun yang lalu; dan
- b) bilangan daripada jumlah di atas yang dibeli oleh bukan pemastautin dan bilangan yang telah dibawa ke tanah besar melampaui masa yang dibenarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), bilangan kereta yang telah didaftarkan di Pulau Langkawi dan Labuan untuk tempoh lima tahun (2009 hingga 2013) berdasarkan buatan kenderaan untuk model Ferrari, Lamborghini, Porsche, Bently dan Jaguar adalah seperti berikut:

Lokasi	Buatan	Tahun				
		2009	2010	2011	2012	2013
Langkawi	Ferrari	4	8	19	43	35
	Lamborghini	0	1	14	41	25
	Porsche	6	10	31	143	57
	Bently	0	3	6	23	22
	Jaguar	1	7	9	13	17
Labuan	Ferrari	0	0	2	1	0
	Lamborghini	0	1	0	2	1
	Porsche	3	0	1	2	2
	Bently	1	0	1	0	2
	Jaguar	1	0	0	0	2

Walau bagaimanapun, statistik di atas tidak mengklasifikasikan kategori kenderaan jenis kereta mewah atau *supercars* memandangkan pendaftaran kenderaan yang dibuat oleh pihak JPJ adalah berdasarkan kepada jenis kegunaan seperti kenderaan persendirian individu, persendirian syarikat serta kenderaan perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua,

- b) Untuk makluman, Kementerian ini tidak mempunyai rekod mengenai jumlah sebenar bukan pemastautin yang memiliki kereta mewah *supercars* dan bilangan yang telah dibawa ke tanah besar melampaui tempoh masa yang dibenarkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]**
TARIKH : **31.3.2014**
SOALAN :

Y.B. Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah pada masa depan untuk mengelak tindakan "laksana kemudian tangguh" dalam program perubahan seperti PBS. Apakah rancangan Kementerian untuk memastikan PBS tidak menambah beban guru secara tidak perlu (*adding unnecessary burden*), PBS dapat menaksir keupayaan pelajar secara adil, saksama dan menepati keupayaan pelajar dan PBS dapat mengekalkan tahap motivasi pengajaran-pembelajaran tinggi di kalangan guru dan murid.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) telah dibangunkan berdasarkan banyak kajian sejak tahun 2005 hingga sekarang. Pelaksanaan PBS telah dirancang dengan teliti mengikut kohort bermula murid tahun 1, pada tahun 2011 dan murid tingkatan 1, pada tahun 2012. Walau bagaimanapun pada 11 Februari 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menangguhkan pelaksanaan PBS dan mengkaji semula pelaksanaannya untuk menangani permasalahan yang timbul ekoran rungutan guru-guru dan ibu-bapa. Hasil kajian semula yang melibatkan pelbagai pihak *stakeholder*, penambahbaikan PBS akan dilaksanakan mula 1 April 2014 dengan penambahbaikan seperti berikut:

- i. Menggantikan penggunaan Dokumen Standard Prestasi (DSP) dengan Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid. DSP sebelum ini menyebabkan guru terikat dengan bilangan pernyataan deskriptor dan pernyataan evidens yang banyak. Guru juga tidak perlu menyediakan Fail Perkembangan Murid (FPM) dan melengkapkan Rekod Transit. Perekodan perkembangan pembelajaran murid boleh dilakukan mengikut kesesuaian guru;
- ii. Bagi memastikan guru memberi fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran, guru tidak perlu lagi mengisi data penguasaan murid menerusi SPPBS secara on line seperti sebelum ini. Guru boleh merekodkan perkembangan pembelajaran murid secara offline. Bagi ibu bapa yang ingin mengetahui tahap pencapaian anak-anak mereka, pihak sekolah akan mengadakan ujian bulanan, peperiksaan pertengahan tahun atau peperiksaan akhir tahun sekolah yang dapat memberi gambaran kepada ibu bapa tentang tahap pencapaian anak mereka. Guru akan menyediakan pelaporan perkembangan pembelajaran murid untuk memaklumkan kepada ibu bapa.
- iii. Penilaian Menengah Rendah (PMR) di Tingkatan 3 akan digantikan dengan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Ini bermakna tiada peperiksaan berpusat untuk pelajar Tingkatan 3. Melalui pentaksiran, pihak sekolah akan mentadbir, mentaksir dan memberi skor terhadap pentaksiran tersebut berpandukan instrumen dan panduan peraturan penskoran yang setara (standardised) yang disediakan oleh pihak Lembaga Peperiksaan (LP). Pentaksir luar yang dilantik oleh LP akan melaksanakan verifikasi dan LP akan melaksanakan moderasi sebelum pelaporan dikeluarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan PBS yang telah ditambahbaik ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, KPM akan mengadakan

taklimat secara terperinci tentang konsep dan pelaksanaannya kepada pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pentadbir dan guru-guru. KPM juga akan mengadakan latihan supaya guru memahami konsep pentaksiran dan mengamalkannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan kemahiran guru memeriksa jawapan murid.

Rjm84

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]

SOALAN :-

Y.B. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu tabung khas untuk membantu golongan berpendapatan rendah mendapatkan pinjaman bagi tujuan membeli rumah mampu milik pada kadar faedah yang rendah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak berhasrat untuk menubuhkan satu tabung khas membantu golongan berpendapatan rendah mendapatkan pinjaman bagi tujuan membeli rumah mampu milik pada kadar faedah yang rendah.

Walau bagaimanapun, terdapat Skim Pinjaman Perumahan (SPP) dan Skim Rumah Pertamaku (SRP) yang diwujudkan khusus untuk golongan seperti ini.

(i) Skim Pinjaman Perumahan (SPP) di bawah KPKT menyediakan kemudahan pinjaman kepada golongan berpendapatan antara RM750 hingga RM2,500 sebulan untuk individu yang belum pernah memiliki rumah dan bukan kakitangan Kerajaan. Skim ini juga menawarkan pinjaman sehingga RM45,000 bagi pembinaan rumah di atas tanah sendiri atau tanah milik saudara terdekat. Skim ini hanya mengenakan caj perkhidmatan pada kadar 2% kepada peminjam.

(ii) Skim Rumah Pertamaku (SRP) telah diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Cagamas Bhd. di bawah Kementerian Kewangan bagi membantu rakyat membeli rumah pertama mereka dengan mendapatkan pembiayaan 100%. Skim ini membolehkan golongan muda untuk mendapat pembiayaan sehingga 100% daripada institusi-institusi kewangan untuk membeli rumah pertama mereka tanpa perlu membayar 10% wang pendahuluan. Nilai maksimum hartanah adalah RM400,000.

Had pendapatan peminjam adalah sehingga RM5,000 kepada peminjam perseorangan dan bagi peminjam bersama, had pendapatan mereka adalah sehingga RM10,000 sebulan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur
[SILAM]**

TARIKH : 31 Mac 2014 (Isnin)

SOALAN : 51

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian telah mempertimbangkan kelulusan permohonan pembinaan lapangan terbang baru di Lahad Datu atau membaik pulih lapangan terbang yang sedia ada, kerana lapangan terbang sedia ada tidak dapat mendaratkan Airbus A320 dan Boeing 737 dan tidak mempunyai lampu pendaratan pada waktu malam. Lapangan terbang Lahad Datu juga tidak memenuhi piawaian keselamatan lapangan terbang antarabangsa atau '*Aviation Certification and Interoperability Office*' (ACIO).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Silam, satu kajian fisibiliti (*Feasibility Study*) telah dilaksanakan untuk mengkaji cadangan pembinaan sebuah lapangan terbang baru di Lahad Datu dan telah disiapkan pada 30 Jun 2012 dengan kos hanya sebanyak RM3.03 juta. Kajian fisibiliti tersebut adalah inisiatif Kerajaan yang dibuat untuk mempertingkatkan sosio-ekonomi penduduk Lahad Datu dan wilayah berhampiran. Pihak juruperunding telah membentangkan laporan akhir kajian tersebut kepada Kementerian Pengangkutan pada 22 Oktober 2012.

Intipati daripada kajian ini ialah terdapat keperluan untuk mewujudkan sebuah lapangan terbang yang baru di Lahad Datu bagi menggantikan lapangan terbang sedia ada yang akan melibatkan kos sebanyak RM 700 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Silam juga, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri, Unit Perancang Ekonomi, Pejabat Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM), Kementerian Kerja Raya, syarikat-syarikat penerbangan tempatan dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) bagi membincangkan keperluan pembinaan sebuah lapangan terbang baru dan kini sedang meneliti dan mengkaji hasil perbincangan tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' NORAINI AHMAD**
KAWASAN : **PARIT SULONG**
TARIKH : **31.3.2014 (ISNIN)**
NO. SOALAN : **52**

Y.B. DATO' NORAINI AHMAD minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan Kementerian dalam memastikan pertumbuhan pengeluaran kenderaan melebihi 1 juta unit menjelang tahun 2020 ini tidak bercanggah dengan pelaksanaan dasar Kerajaan yang sedia ada seperti peningkatan penggunaan kenderaan awam, pengurangan kadar pelepasan karbon dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 yang dilancarkan pada 20 Januari 2014 mensasarkan bahawa menjelang tahun 2020 pengeluaran kenderaan bermotor akan mencecah 1.35 juta unit di mana jualan tempatan kenderaan penumpang berjumlah 1 juta unit setahun. Ini adalah selaras dengan objektif utama NAP 2014 untuk membangunkan Malaysia sebagai hab serantau bagi kenderaan bertenaga efisien (EEV). Berdasarkan amalan antarabangsa, EEV ditakrifkan sebagai kenderaan yang memenuhi spesifikasi yang ditetapkan bagi penggunaan bahan bakar

secara lebih efisien dan mengurangkan pelepasan bahan asap. Langkah ini diambil selaras dengan komitmen Malaysia untuk mengurangkan kadar pelepasan karbon sebanyak 40 peratus menjelang tahun 2020. Oleh yang demikian, peningkatan dalam jualan kenderaan ini tidak bercanggah dengan komitmen tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di samping usaha-usaha untuk menggalakkan penggunaan kenderaan awam diteruskan, Kerajaan di bawah NAP 2014 turut memberi fokus kepada usaha-usaha untuk mengurangkan bilangan kenderaan yang tidak lagi selamat digunakan di atas jalan raya dan menyumbang kepada pencemaran alam sekitar. Selain itu, NAP 2014 juga menggariskan langkah-langkah untuk meningkatkan eksport kenderaan yang dikeluarkan di Malaysia supaya hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab serantau bagi kenderaan EEV dicapai.

Melalui langkah-langkah ini, Kerajaan dapat memastikan pembangunan berterusan industri automotif tempatan yang seimbang dengan inisiatif-inisiatif lain seperti penggunaan kenderaan awam dan pengurangan kadar pelepasan karbon.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
(KUALA KRAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31.03.2014

Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah '*foregone revenue*' kepada Kerajaan disebabkan insentif cukai yang diberikan kepada pelabur-pelabur asing yang melabur di negara ini sejak ETP dilancarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk insentif cukai dan bukan cukai untuk menggalakkan pelaburan

langsung bernilai tinggi dari dalam (DDI) dan luar negara (FDI). Antara insentif cukai utama yang ditawarkan adalah galakan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967. Syarikat yang menjalankan aktiviti atau mengeluarkan produk yang digalakkan layak mendapat insentif cukai tersebut termasuk projek yang dijalankan sebelum dan selepas ETP dilaksanakan.

Disamping itu, Pakej Galakan Istimewa juga disediakan kepada para pelabur bagi projek-projek yang disasarkan untuk memberi impak signifikan kepada negara seperti pengeluaran produk dan aktiviti berteknologi tinggi, bernilai tambah tinggi, berasaskan pengetahuan serta mempunyai nilai rantai yang memberi manfaat kepada ekonomi negara dalam jangka panjang.

Sejak ETP dilaksanakan pada tahun 2010 hingga 2012, sebanyak 1,050 projek perkilangan dan perkhidmatan telah diluluskan insentif cukai dengan pelaburan melebihi jumlah RM117 bilion. Pemberian insentif cukai ini melibatkan kehilangan hasil Kerajaan bagi tempoh yang sama seperti

berikut:

Tahun Taksiran	Kehilangan Hasil (RM)
2010	4.271 bilion
2011	4.965 bilion
2012	5.866 bilion
Jumlah	15.102 bilion

Sungguhpun pemberian insentif cukai mengakibatkan kehilangan hasil, hakikatnya negara memperoleh pelbagai limpahan faedah daripada pelaksanaan projek-projek yang memberi impak signifikan seperti berikut:

- i. Mewujudkan peluang pekerjaan berpengetahuan tinggi dalam pelbagai sektor pembuatan dan perkhidmatan;
- ii. Penerokaan industri baharu yang lebih berteknologi tinggi seperti industri solar dan aeroangkasa;
- iii. Mengukuhkan aktiviti *Research & Development* (R&D) melalui pemindahan teknologi ke dalam negara;

- iv. Merangsang pembangunan vendor tempatan dengan menggalakkan syarikat multinasional untuk meningkatkan penggunaan komponen/bahan mentah tempatan;
- v. Menjadikan Malaysia sebagai Hub Operasi Global yang menyumbang kepada peningkatan eksport produk dan perkhidmatan tempatan; dan
- vi. Menyokong pembangunan subsektor perkhidmatan seperti penyedia logistik, re-manufacturing and re-servicing yang dapat meningkatkan nilai rantaian industri dalam negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI REEZAL
MERICAN BIN NAINA
MERICAN
(KEPALA BATAS)**

**TARIKH : 31.03.2014
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kemampuan Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) dalam menangani sebarang ancaman bersifat luaran kepada kepentingan Malaysia di Laut China Selatan. Apakah pihak Kementerian ambil maklum mengenai kewujudan apa yang dikatakan sebagai *South China Sea Air Defence Identification Zone* (ADIZ) yang diperkatakan media antarabangsa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) berkemampuan menangani sebarang ancaman luaran yang boleh menjejaskan kepentingan Malaysia di Laut China Selatan dengan menggembelinkan aset dan keupayaan (*capability*) yang dimiliki sekarang. Pihak TLDM akan mengoptimumkan penggunaan aset dan keupayaan ini dengan sebaik mungkin.

Kementerian ini mengambil maklum mengenai Pewujudan *Air Defense Identification Zone* (ADIZ) oleh Republik Rakyat China (RRC) di Laut China Timur (*East China Sea*). Namun begitu sehingga kini kerajaan tiada maklumat tentang perluasan ADIZ ini ke Laut China Selatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR.HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD

TARIKH: 31 MAC 2014

SOALAN:

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dasar penempatan atau perumahan pekerja asing dan tanggungjawab majikan dalam mendidik pekerja mereka dalam norma kehidupan di Malaysia.

PR-1321-L61200

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Dasar Kerajaan telah menetapkan bahawa majikan dibenarkan untuk menggajikan pekerja asing dengan syarat majikan menyediakan tempat tinggal yang bersesuaian. Majikan yang tidak dapat menyediakan tempat tinggal tidak akan dibenarkan untuk menggajikan perkerja asing. Majikan adalah bertanggungjawab untuk memastikan pekerja asing yang telah digajikan mematuhi segala norma kehidupan rakyat Malaysia dan tidak bertindak untuk melanggar amalan budaya di Negara ini.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD JARJIS
[ROMPIN]
TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)
SOALAN : Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan tentang kedudukan terkini Rancangan
Jelapang Padi (IADA) Pekan Rompin seluas 25,000 ekar
demi memacu perkembangan ekonomi khususnya di sektor
makanan.

JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kawasan seluas 10,305 hektar telah dikenal pasti sesuai untuk dimajukan sebagai kawasan jelapang padi negara yang baru iaitu seluas 7,211 hektar di Pekan dan 3,094 hektar di Rompin. Untuk merealisasikan pembangunan padi secara komersial di kawasan ini bagi meningkatkan produktiviti, kerja-kerja pembangunan menyeluruh yang meliputi infrastruktur dan pengairan serta pengendalian dan penyelenggaraan akan dilaksanakan di kawasan tersebut.

Dengan tertubuhnya IADA Pekan dan IADA Rompin ini, infrastuktur sedia ada terutamanya sistem pengairan dan saliran bagi kawasan-kawasan tersebut dapat dipertingkatkan bagi membolehkan bekalan pengairan yang lebih berkesan di keseluruhan kawasan projek. Pada masa ini, purata pengeluaran padi di

kawasan Pekan adalah sebanyak 2.4 tan metrik sehektar manakala bagi kawasan Rompin pula sebanyak 3.67 tan metrik sehektar. Kesan daripada pembangunan ini, dijangkakan potensi pengeluaran padi selepas penubuhan kedua-dua IADA menjelang tahun 2020 adalah sebanyak 6 tan metrik sehektar iaitu peningkatan sebanyak 150% bagi IADA Pekan dan 63% bagi IADA Rompin.

Penubuhan kedua-dua IADA juga akan memberi kesan positif kepada peningkatan pendapatan pesawah padi di kawasan tersebut. Diunjurkan purata pendapatan pesawah selepas penubuhan kedua-dua IADA adalah sebanyak RM7,200 sehektar semusim iaitu peningkatan sebanyak 160% bagi IADA Pekan berbanding sebelum penubuhan IADA iaitu sebanyak RM2,760 sehektar semusim dan 70.6% bagi IADA Rompin berbanding sebelum penubuhan IADA iaitu sebanyak RM4,220.50 sehektar semusim.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM
(BERUAS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31.03.2014

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi oleh syarikat-syarikat yang terlibat dalam pembangunan dan/atau perniagaan di Tun Razak Exchange untuk layak menikmati insentif-insentif yang telah diumumkan oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, keputusan untuk membangunkan Tun Razak Exchange (TRX) dengan visi untuk membangunkan Kuala Lumpur

sebagai hub kewangan antarabangsa adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan ia sebuah bandaraya global. TRX telah dikenalpasti dapat memainkan peranan penting dalam mencapai sasaran Program Transformasi Ekonomi (ETP) untuk mengembangkan sektor kewangan sebanyak tiga kali ganda serta meningkatkan sumbangan sektor kewangan kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM121.5 billion menjelang 2020. Projek dianggarkan bernilai RM26 billion dan mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun.

TRX beraspirasi untuk menarik syarikat-syarikat bertaraf antarabangsa merangkumi beberapa sektor seperti perkhidmatan, perbankan dan kewangan sekaligus akan mencetus aktiviti ekonomi baharu, inovasi terbaharu, dan membuka peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia dari setiap strata ekonomi. Oleh itu, TRX dijangka menarik syarikat terunggul di dunia, apabila pembangunan ini siap disempurnakan dalam masa lebih kurang 15 tahun.

Sejajar dengan aspirasi di atas, adalah wajar bagi Malaysia/Kuala Lumpur menawarkan insentif untuk menarik syarikat-syarikat bertaraf

global untuk menubuhkan operasi baharu atau memperkembangkan operasi sedia ada di sini. TRX menawarkan dua kategori insentif iaitu insentif untuk Pemaju hartanah *TRX* dan insentif untuk syarikat berstatus *TRX Marquee*. Insentif untuk Pemaju hartanah *TRX* adalah khas untuk syarikat pemaju yang akan membangunkan plot pembangunan TRX dan insentif untuk syarikat berstatus *TRX Marquee* adalah untuk institusi-institusi kewangan yang akan beroperasi di TRX.

Bagi insentif untuk Pemaju hartanah *TRX*, antara kriteria utama untuk pemohon layak menikmati insentif tersebut adalah :

- i. syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965
- ii. bermastautin di Malaysia bagi tujuan cukai
- iii. dilantik oleh 1MDB sebagai pemaju
- iv. menjalankan aktiviti pembangunan di TRX mengikut pelan induk TRX
- v. menjalankan aktiviti pembangunan berdasarkan kriteria ketat yang dikenakan termasuk mematuhi kriteria kemampuan dan *Green Development standards*

Bagi insentif untuk syarikat berstatus *TRX Marquee*, antara kriteria-

kriteria utama untuk pemohon layak menikmati insentif tersebut adalah :

- i. Berlesen atau berdaftar di bawah mana-mana Akta berikut: -
 - a. Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
 - b. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
 - c. Seksyen 76 atau 76A Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007
ATAU
 - d. Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007
- ii. Bermastautin di Malaysia bagi tujuan cukai.
- iii. Berpindah atau bermula sebahagian atau keseluruhan operasi di TRX dalam tempoh masa yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]
TARIKH : 31.3.2014 (ISNIN)

DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan kaedah lebih sistematik dalam aspek penetapan harga barangan serta tugas pemantauan penguatkuasaan berbanding kaedah sedia ada seperti sistem tanda harga manual sudah diguna pakai sejak lebih 20 tahun lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia mengamalkan ekonomi bebas dan harga barangan dalam negara ditentukan oleh kuasa pasaran iaitu penawaran dan permintaan. Kerajaan tidak mencampuri perjalanan pasaran niaga secara keterlaluan bagi membolehkan persaingan yang sihat dalam perniagaan. Selain itu, Kerajaan hanya menetapkan harga barang kawalan bersubsidi serta barangan harga terkawal semasa musim perayaan yang melibatkan perayaan utama iaitu Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai. Kesemua penentuan harga ini dilakukan dalam keadaan tertentu dan mengikut keperluan bagi menjaga kepentingan rakyat.

Penandaan harga merupakan kewajipan peniaga runcit di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993. Penandaan harga ini memberi peluang kepada pengguna membuat perbandingan dan keputusan untuk membeli barangan pada harga yang berpatutan. Peniaga yang gagal mematuhi keperluan perundangan ini boleh diambil tindakan di bawah Perintah tersebut.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengalakkan para peniaga untuk menggunakan kaedah penandaan harga yang lebih moden, efisien dan sistematik sesuai dengan kepesatan perkembangan ekonomi dalam negara seperti menggunakan *bar code* pada barangan yang hendak dijual. Ia bukan sahaja mudah tetapi juga akan mengurangkan keperluan membuat penandaan secara individu.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Ust. Dato' Dr. Mohd.
Khairuddin bin Aman Razali
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 31.03.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 59

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan asas dan perkembangan pembangunan perbandaran baharu Bandar Melayu di Subang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Idea untuk membangunkan sebuah bandar pintar di tanah milik MARA yang terletak di dalam kawasan Malaysia International Aerospace Centre (MIAC) Subang adalah berkonsepkan Edu-Biz Park dan dinamakan Asia Aerospace City (AAC).

Ia melibatkan pembangunan institusi pendidikan dan infrastruktur industri di dalam satu kawasan yang sama berobjektifkan supaya kedua-duanya memberi sinergi untuk mewujudkan satu ekosistem yang positif bagi pembangunan industri terutamanya industri berimpak tinggi.

Pembangunan Edu-Biz Park di Subang akan memberi fokus kepada industri aeroangkasa terutamanya dalam bidang perkhidmatan kejuruteraan dan baik pulih kapal terbang (*maintenance, repair and overhaul*).

Ia dijangka mampu menarik pemain-pemain utama industri aeroangkasa untuk beroperasi di dalam Edu-Biz Park. Ini akan dapat membuka banyak peluang kerjaya

kepada jurutera-jurutera muda yang dilahirkan terutama dari institusi pendidikan dan latihan milik MARA.

Kehadiran pemain-pemain utama industri aeroangkasa di kawasan ini juga akan turut membantu mewujudkan rangkaian penawaran (*supply chain*) perkhidmatan dan seterusnya membuka lebih banyak peluang perniagaan kepada usahawan-usahawan sedia ada dan usahawan baru. Selain itu juga, ia akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di dalam menawarkan produk serta perkhidmatan sokongan kepada industri di dalam kawasan pembangunan Edu-Biz Park ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 31 MAC 2014

**SOALAN : Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang
Pauh] minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan wilayah dan perairan dituntut
Malaysia yang masih dalam pertikaian dengan
negara-negara lain dan status
penyelesaiannya melalui diplomasi dan
pengadilan antarabangsa.**

JAWAPAN

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh atas soalan yang telah dikemukakan.

Tan Sri Yang Di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, kawasan – kawasan sempadan yang masih dalam pertikaian di antara Malaysia dengan negara–negara berkaitan adalah lebih tertumpu di kawasan maritim. Ini adalah kerana secara umumnya sempadan darat di antara Malaysia dengan negara-negara jirannya telah dimuktamadkan.

3. Kawasan pertikaian maritim wujud akibat tuntutan bertindih di antara Malaysia dan negara–negara jirannya. Terdapat tuntutan bertindih di antara Malaysia dan Indonesia di kawasan Laut Sulawesi, kawasan paling selatan Selat Melaka serta di sebelah timur Selat Singapura. Malaysia dan Indonesia sedang merundingkan pembatasan sempadan maritim di kawasan– kawasan ini dan sehingga kini 26 Mesyuarat Teknikal Pembatasan Sempadan Maritim telah diadakan.

4. Susulan daripada penghakiman Mahkamah Keadilan Antarabangsa, atau dengan izin *International Court of Justice (ICJ)* berhubung Kes Kedaulatan ke atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan pada 23

Mei 2008, Malaysia dan Singapura telah menubuhkan dengan izin, *Malaysia-Singapore Joint Technical Committee (MSJTC)* bagi melaksanakan penghakiman ICJ. Sehingga kini, 7 Mesyuarat MSJTC telah diadakan dan kedua-dua negara sedang di dalam proses untuk melaksanakan perundingan pembatasan sempadan maritim di antara Batu Puteh dan Batuan Tengah.

5. Di Laut China Selatan pula, Malaysia mempunyai tuntutan bertindih dengan Thailand (iaitu di kawasan Teluk Siam), Vietnam (di kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia, luar pantai Sabah dan Sarawak) , dan Filipina (di luar pantai Sabah). Buat masa ini, tidak ada sebarang rundingan pembatasan sempadan maritim dilaksanakan bagi kawasan Laut China Selatan.

6. Kerajaan berpendirian bahawa tuntutan bertindih kawasan maritim perlu diselesaikan secara aman melalui perbincangan dan perundingan dengan negara-negara berkaitan berdasarkan undang-undang antarabangsa, termasuk Konvensyen Pertubuhan Bangsa – Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982, atau dengan izin *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 (UNCLOS 1982)*.

7. Rundingan pembatasan sempadan maritim mengambil masa yang lama kerana banyak faktor yang perlu dipertimbang dan diteliti di setiap tahap perbincangan dan perundingan meliputi aspek-aspek geografi, teknikal dan undang-undang yang kompleks demi memastikan hasil penyelesaian yang muktamad dan saksama.

8. Malaysia berpendirian bahawa tuntutan bertindih wajar diselesaikan melalui meja rundingan. Rujukan kepada pihak ketiga seperti ICJ atau Tribunal Timbang Tara merupakan opsyen terakhir di dalam mencapai penyelesaian. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membawa sebarang pertikaian berhubung kawasan maritim ke pihak ICJ.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah rakyat boleh menikmati kebaikan menjelang tahun 2020 sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi meskipun mengalami kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat, kelemahan mata wang Ringgit dan kadar hutang negara dan isi rumah yang melambung tinggi.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak Program Transformasi Ekonomi dilaksanakan, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga semasa telah meningkat sebanyak 27.9 peratus antara tahun 2008 dan 2013 (kadar pertumbuhan 4.2 peratus setahun) dan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita pada harga semasa telah meningkat 17.0 peratus daripada RM27,094 pada tahun 2008 kepada RM31,697 pada tahun 2013 (kadar pertumbuhan 3.2 peratus setahun). Pendapatan kasar bulanan isi rumah purata meningkat sebanyak 35.6 peratus daripada RM3,686 sebulan pada tahun 2007 kepada RM5,000 sebulan pada tahun 2012¹ (kadar pertumbuhan 6 peratus setahun).

Dari segi pampasan pekerja yang diukur dari segi peratusan kepada KDNK, meningkat daripada 29.3 peratus pada tahun 2008 kepada 32.9 peratus pada tahun 2012. Menurut Kajian yang dijalankan oleh Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia iaitu *Malaysia Employers Federation Salary Survey 2013* pula, gaji pekerja dalam kategori eksekutif meningkat sebanyak 6.3 peratus manakala gaji pekerja dalam kategori bukan eksekutif meningkat sebanyak 6.7 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sehubungan ini, ingin saya nyatakan bahawa kesemua petunjuk ini telah membuktikan bahawa kenaikan dari segi gaji dan pendapatan adalah lebih tinggi daripada kadar inflasi yang meningkat 2.1 peratus pada tahun 2013. Justeru, dapat

¹ Berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2012 yang terkini.

dirumuskan bahawa rakyat turut sama menikmati manfaat hasil daripada kemajuan dan kemakmuran ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebuah sebuah ekonomi yang terbuka, Malaysia seperti mana negara lain tidak dapat mengelak daripada menghadapi cabaran ekonomi semasa. Namun, cabaran yang dihadapi oleh rakyat sekarang kebanyakannya dijangka bersifat sementara. Ini kerana kenaikan kos hidup sejak kebelakangan ini sebahagian besarnya berpunca daripada pelarasan yang tidak boleh dielakkan semata-mata untuk kebaikan rakyat dalam jangka panjang dan menyediakan landasan untuk negara mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. Pengurangan subsidi petrol secara berperingkat dan kenaikan kadar tarif elektrik adalah perlu untuk menentukan sumber negara yang terhad diguna dengan lebih cekap lagi dan memastikan bahawa subsidi dinikmati oleh hanya golongan sasaran yang lebih memerlukannya demi untuk mencapai kemampanan fiskal jangka panjang. Dasar monetari dijangka akan dapat membantu meringankan beban hutang isirumah dan menghadkan kesan dari kejatuhan mata wang Ringgit yang disebabkan oleh faktor luaran.

Malaysia kini berada di landasan ke arah mencapai sasaran negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, dengan pendapatan per kapita minimum sebanyak AS\$15,000. Namun, bagi memastikan rakyat dapat terus menikmati kebaikan menjelang 2020 kelak, Kerajaan akan terus mempertingkatkan kecekapan pengurusan ekonomi negara bagi menghadapi pelbagai cabaran ekonomi semasa. Pelbagai strategi di bawah agenda transformasi ekonomi negara akan

terus dilaksanakan untuk merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan potensi pertumbuhan sektor-sektor ekonomi dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada rakyat. Ia juga dapat membantu meningkatkan tahap produktiviti dan pendapatan pekerja dan seterusnya kuasa beli rakyat.

Di samping memastikan pertumbuhan KDNK yang mampan, kesejahteraan rakyat juga akan sentiasa menjadi keutamaan dalam agenda pembangunan negara. Justeru, Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada aspek pembangunan sosial dan mengambil langkah yang bersesuaian dalam usaha membantu rakyat menangani beban kos sara hidup yang semakin meningkat. Ini termasuk langkah merasionalisasi subsidi bagi membolehkan penjimatan subsidi tersebut disalurkan dalam bentuk bantuan BR1M kepada isi rumah berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukannya. Kerajaan juga akan menyediakan lebih banyak rumah mampu milik serta kemudahan Kedai Rakyat 1Malaysia dan Klinik 1Malaysia yang menawarkan barangan dan perkhidmatan pada harga berpatutan dan mampu dinikmati oleh semua lapisan rakyat. Ini adalah bagi memastikan rakyat dapat terus menikmati tahap kualiti hidup yang lebih baik.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN : 62

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan:**

- a) Apakah keputusan siasatan pihak berkuasa mengenai dengan kes pesawat MH170 yang terlibat dalam kejadian arus-gelincir (*slipstream*) dengan pesawat Jumbo pada Disember 2013 lalu; dan
- b) Tindakan yang diambil keatas mereka yang bertanggungjawab dan tindakan agar ia tidak berulang lagi.

JAWAPAN:

Tuan yang DiPertua,

- (a) Mengenai kes pesawat MH170 yang terlibat dalam kejadian arus-gelincir (*slipstream*) atau juga dikenali sebagai '*wake turbulence*' dengan pesawat Jumbo pada Disember 2013, dimaklumkan bahawa Jabatan Penerbangan Awam, menggunakan *Manual of Air Traffic Services, Part 5 Separation Standard, Section 8 – Wake Turbulence Separation, Standard Separation Minima* yang mematuhi kriteria *International Civil Aviation Organization (ICAO)*.

Standard Separation Minima menyatakan penggunaan jarak 7 batu nautika (NM) bagi pesawat besar (A380) yang mendahului pesawat lebih kecil (B737) ketika mendarat.

Dalam kes ini didapati *Approach Radar Controller* telah menggunakan jarak kedudukan lebih kurang 7NM bagi memisahkan di antara kedua-dua pesawat tersebut.

Approach Radar Controller telah mengarahkan pesawat MH170 untuk mengurangkan kelajuan namun masih mengalami gangguan '*wake turbulence*'. Ekoran insiden ini, Jabatan Penerbangan Awam mengeluarkan peringatan kepada semua Pegawai Kawalan Trafik Udara terhadap fenomena '*wake turbulence*' serta *separation standard* yang perlu digunapakai.

- (b) Fenomena ini adalah fenomena baru dan ianya ketara berlaku di merata dunia sejak beroperasinya pesawat jumbo A380. Dalam kes ini, arahan tersebut telah dipatuhi namun gangguan '*wake turbulence*' masih boleh berlaku walaupun jarak antara pesawat melebihi 7NM. Pihak *ICAO* masih lagi mencari penyelesaian yang bersesuaian bagi mengatasi isu '*wake turbulence*' berkaitan A380 ini.

NO SOALAN : 63

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MOHD ARIFF
SABRI BIN ABDUL AZIZ
(RAUB)**

**TARIKH : 31.03.2014
(ISNIN)**

SOALAN :

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:

- (a) berapa banyak syarikat-syarikat yang dilantik untuk membekal kelengkapan-kelengkapan, aset dan bekalan makanan untuk Ops Daulat ini; dan**

- (b) adakah pembelian aset, dan bekalan makanan dilakukan melalui proses tender terbuka.**

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan syarikat yang dilantik untuk membekalkan kelengkapan-kelengkapan, aset dan bekalan makanan untuk Ops Daulat adalah sebanyak 22 syarikat.

Pembelian aset dan bekalan makanan dilakukan secara Tender Terbuka serta melalui beberapa kaedah perolehan lain seperti sebut harga, kontrak pusat Perbendaharaan, kontrak sedia ada, perolehan darurat dan rundingan terus dengan mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**

TARIKH : 31 MAC 2013 (ISNIN)

SOALAN : 64

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jika Kementerian berhasrat untuk menganjurkan Hari Media Kebangsaan seperti di Indonesia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini berpandangan sebarang inisiatif bagi penganjuran Hari Media Kebangsaan perlu diusahakan oleh organisasi dan pengamal media sendiri kerana seandainya usaha itu dibuat oleh kerajaan, akan timbul salah faham kononnya kerajaan mahu mengawal, menguasai atau memiliki media.

Selain itu, kerajaan sentiasa memberi sokongan kepada sebarang majlis atau program berkaitan media yang dianjurkan oleh organisasi media di Malaysia seperti Institut Akhbar Malaysia (MPI).

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN GOBIND SINGH DEO
KAWASAN : PUCHONG
TARIKH : 31 MAC 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah yang akan diambil untuk mengurangkan masalah kepadatan dan kesesakan lalu lintas di kawasan Taman Equine dalam kawasan Parlimen Puchong dan bila mulanya tindakan itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu kesesakan lalu lintas di sekitar kawasan Taman Equine dan Seri Kembangan dijangka akan dapat dikurangkan apabila projek membina persimpangan bertingkat baru yang menghubungkan kawasan tersebut dengan Lebuh Raya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX) dijangka siap sepenuhnya pada bulan Disember 2015.

Persimpangan bertingkat dengan kos RM90 juta itu dijangka akan memberi manfaat kepada hampir 90,000 penduduk dan 130,000 kenderaan di kawasan Seri Kembangan, di mana ia dapat membantu melancarkan pergerakan trafik di kawasan berkenaan, khususnya di Jalan Putra Permai (B16).

Di samping itu, kementerian ini juga telah memohon untuk menaiktaraf Jalan Besar di Seri Kembangan, Petaling, Selangor untuk kelulusan dalam tempoh Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 31 MAC 2014

SOALAN :

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah pendapatan dan elaun Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang diterima dalam tempoh 5 tahun yang lalu ; dan
- (b) berapa banyak cukai yang dibayar oleh mereka.

JAWAPAN:YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan gaji bulanan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri seperti yang terdapat dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2005 (Akta A1244) yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2004 ada lah seperti berikut :

<u>Bil.</u>	<u>Jawatan</u>	<u>Gaji sebulan</u>
(i)	YAB Perdana Menteri	RM22,826.62
(ii)	YAB Timbalan Perdana Menteri	RM18,168.15

Jumlah gaji bulanan yang diterima oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dalam tempoh 5 tahun yang lalu seperti berikut:

<u>Bil.</u>	<u>Jawatan</u>	<u>Jumlah Gaji Dalam Tempoh 5 Tahun Lalu</u>
(i)	YAB Perdana Menteri	RM1,369,599.00 (22,826.65x12)x 5 tahun

(ii)	YAB Timbalan Perdana Menteri	RM1,090,089.00
		(18,168.15x12)x
		5 tahun

Elaun-elaun lain yang diterima oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri adalah berdasarkan kelayakan yang diperuntukkan di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan 1980) Akta 237.

Sekian. Terima kasih.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[Hulu Langat]

TARIKH : 31 MAC 2014

SOALAN :

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan peranan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Hutan (MFRDB) dalam membantu mengekal dan mempelbagaikan hutan negara bagi mengawal kemurnian alam sekitar, sebagai perlindungan hidupan liar dan kestabilan iklim.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sememangnya menyokong kepada pemeliharaan dan pengurusan hutan secara berkekalan melalui peranan yang dimainkan olehnya seperti berikut:

1. Merancang dan melaksanakan penyelidikan bagi pembangunan sektor perhutanan dan pemeliharaan sumber hutan;
2. Menjalankan kajian taksonomi flora bagi memelihara biodiversiti hutan. FRIM telah mengenal pasti dan mendokumen flora hutan negara serta senarai spesies terancam;
3. Memelihara spesis terancam melalui pemeliharaan secara *ex situ* dan *in situ*;
4. Menyokong pengurusan hutan secara berkekalan dengan memperbaiki preskripsi pengurusan hutan yang sedia ada dengan mengambil kira pendapatan dari segi ekonomi dan juga memelihara integriti kemurniaan ekosistem hutan;
5. Pengindahan landskap bagi memastikan pengurusan dan penyelenggaraan taman serta hutan bandar yang lebih berkesan.;
6. Memulihara kawasan terosot melalui penghutanan semula di kawasan-kawasan tertentu seperti bekas lombong, tanah bris dan hutan miskin; dan
7. Melibatkan diri dalam kajian berkaitan isu-isu pemeliharaan dan pengurusan hutan baru seperti teknologi hijau, bioteknologi dan industri herba.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]
TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)
SOALAN : Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan usaha Kementerian untuk mewujudkan skim insurans bencana kepada pesawah padi seperti serangan bena perang dan lain-lain
JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Bagi memastikan nasib petani, penternak dan pengusaha terus dibela, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memutuskan supaya pelaksanaan Skim Takaful Padi bagi pengusaha sawah berskala kecil ini tidak diteruskan memandangkan ianya melibatkan banyak prosedur dan dikhuatiri akan melambatkan pemberian bantuan kepada golongan sasaran. Selain itu, apabila hasil pengeluaran di sesuatu kawasan yang terjejas itu tidak mencapai had yang ditetapkan, maka bayaran pampasan tidak akan dibayar walaupun mereka menerima bantuan sebelum ini di bawah Bantuan Wang Ehsan. Sebagai alternatifnya, Kementerian ini sedang mengkaji untuk mewujudkan Tabung Bantuan Bencana Agromakanan yang dijangka lebih fleksibel di mana bantuan akan dapat disalurkan dengan lebih cepat kepada mereka yang terlibat. Pelaksanaan Tabung ini juga dilihat lebih menyeluruh kerana ianya meliputi subsektor tanaman, ternakan, akuakultur dan industri asas tani.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN [TANJONG MANIS]
TARIKH : 31 MAC 2014
SOALAN :

YB Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memandangkan kebakaran besar yang berlaku di Hospital Umum Sarawak baru-baru ini dan kejadian ini merupakan kejadian kebakaran kali ke-2, adakah Kementerian akan bertindak dengan segera untuk membina sebuah Hospital Umum yang baru memandangkan hospital yang sedia ada amat tua dan uzur.

Tuan Yang di-Pertua,

Kebakaran yang berlaku baru-baru ini adalah di tapak projek iaitu pembinaan blok Pusat Penyelidikan Klinikal yang terletak berdekatan dengan Jabatan Kecemasan dan Trauma. Laporan awal menunjukkan punca kebakaran adalah dari kecuaiannya pekerja kontraktor, bukannya disebabkan oleh usia hospital yang lama.

Untuk makluman, kebakaran kali pertama adalah disebabkan kejadian *short-circuit* pada *high-tension* kabel yang membekalkan mesin MRI di Jabatan Radiologi hospital ini.

Buat masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak ada perancangan untuk mengganti Hospital Umum Sarawak (HUS) tetapi akan terus melaksanakan penambahbaikan selaras dengan perancangan Pelan Induk bagi menampung keperluan penduduk tempatan dan juga sebagai pusat rujukan perkhidmatan sub-kepakaran kepada rakyat negeri Sarawak secara amnya. Pelan Induk Pembangunan Semula hospital berkenaan telah bermula sejak tahun 1990. Projek pembangunan ini dilaksanakan secara berfasa bagi mengelakkan perkhidmatan kepada pesakit terjejas. Sejak tahun 1990 hingga sekarang, berbagai projek telah dilaksanakan seperti berikut:-

1. Blok ICU/Dewan Bedah/Kecemasan telah dibina pada tahun 2000;
2. Blok Dapur/ Sajian siap pada tahun 2004;
3. Blok Menara/ Induk telah siap dinaiktaraf pada tahun 2009;
4. Bangunan-bangunan Forensik dan Wad Psikiatri/ Daycare baru siap pada tahun 2013; dan
5. Projek tempat letak kereta bertingkat untuk staf dan orang awam serta juga Blok Daycare dan Makmal/Patologi, projek ini telah dilaksanakan dan sedang dalam proses memuktamadkan rekabentuk.

Pada Januari 2011, perkhidmatan rawatan jantung telah berpindah ke Pusat Jantung, Hospital Umum Sarawak (HUS) di Kota Samarahan untuk keperluan rakyat Sarawak (perkhidmatan tertiar).

Selain daripada membangunkan semula Hospital Umum Sarawak sedia ada, KKM juga sedang membina sebuah hospital baru dengan kapasiti 300 katil di Petra Jaya, Kuching dan dijangka akan beroperasi pada awal tahun 2017 untuk keperluan rakyat setempat dan Sarawak. Ini bagi mengurangkan tumpuan untuk mendapatkan rawatan di HUS, seterusnya mengurangkan kesesakan di hospital tersebut.

Keperluan seterusnya terhadap kemudahan hospital di kawasan Kuching khususnya dan negeri Sarawak akan dikaji berdasarkan perancangan keperluan perkhidmatan keseluruhan serta unjuran pertumbuhan penduduk negeri Sarawak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang]**
TARIKH : **31.3.2014**
SOALAN :

Y.B. Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:langkah serta tindakan yang akan diambil bagi menyelesaikan masalah capaian lemah dan kouta Bistarinet yang menyukarkan serta mengehadkan tugas guru di kawasan pedalaman Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengenal pasti 148 buah sekolah yang menggunakan teknologi VSAT yang berkapasiti rendah dan dipercayai mengehadkan tugas guru di kawasan pedalaman Sarawak. Pada masa ini KPM sedang meneliti pendekatan teknologi terbaik bagi meningkatkan capaian lemah di 148 sekolah tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG
KAWASAN : BAGAN
TARIKH : 31.03.2014 (ISNIN)
NO. SOALAN : 71

TUAN LIM GUAN ENG minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan angka-angka pelaburan dalam sektor perkhidmatan bagi setiap negeri sejak tahun 2000. Apakah inisiatif yang diambil bagi mempertingkatkan sektor tersebut pada tempoh sama mengikut pecahan negeri.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi maklumat mengenai pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mengkoordinasi pengumpulan data berkenaan dari pelbagai Kementerian dan Agensi bermula dari tahun 2006. Bagi tempoh 2006 hingga 2013, sejumlah 29,320 projek dalam sektor perkhidmatan telah diluluskan di negara ini dengan nilai pelaburan sebanyak RM585.5 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM506.6 bilion (86.5%) adalah pelaburan tempatan dan RM78.8 bilion (13.5%) merupakan pelaburan asing.

Antara sub-sektor perkhidmatan yang menjana pelaburan tertinggi bagi tempoh masa tersebut termasuklah sektor hartanah (RM236.1 bilion), sektor pengangkutan (RM71.6 bilion), utiliti (RM54.1 bilion), telekomunikasi (RM51.8 bilion) dan perkhidmatan kewangan (RM32.6 bilion).

Bagi sub-sektor penubuhan serantau pula, sejumlah RM9.1 bilion pelaburan dengan 1,196 projek telah diluluskan. Pelaburan dalam sub-sektor ini termasuklah pelaburan dalam ibu pejabat operasi, (OHQ) (RM2.9 bilion), pusat perolehan antarabangsa, (IPC) (RM2.8 bilion), pusat pengedaran serantau, (RDC) (RM0.7 bilion), pejabat serantau, (RO) (RM2.1 bilion), pejabat perwakilan, (RE) (RM0.6 bilion) dan pusat pengurusan perbendaharaan, (TMC) (RM66 juta).

Bagi tempoh 2008 hingga 2013, sejumlah 1,981 projek berstatus MSC dengan nilai pelaburan sebanyak RM20.4 bilion telah diluluskan.

Walau bagaimanapun, pecahan pelaburan bagi sub-sektor perkhidmatan yang diluluskan mengikut negeri tiada buat masa ini.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah mengenal pasti 12 bidang utama ekonomi negara (NKEA) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan menggalakkan aliran masuk pelaburan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan ke seluruh negara. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dan terus dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan ke Malaysia adalah:

- (i) Memperkenalkan “pendekatan berfokus” atau “targeted approach” dalam usaha menarik pelaburan di samping memberi penekanan terhadap industri dan sektor yang berintensif modal dan teknologi serta penglibatan dalam R&D;
- (ii) Menggunakan pendekatan ekosistem dalam menarik pelaburan berkualiti terhadap sektor yang disasarkan. Pendekatan ini merangkumi elemen seperti nilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan kemahiran, selaras dengan objektif Kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020;
- (iii) Misi-misi pelaburan dan perdagangan ke luar negara terutamanya yang dianjurkan oleh agensi di bawah Kementerian ini seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) untuk menarik peluang-peluang pelaburan yang baru;
- (iv) Penganjuran seminar, bengkel dan program-program berkaitan pelaburan yang berpotensi di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan;
- (v) Menawarkan galakan cukai yang menarik seperti Galakan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan bagi tempoh 5 hingga 10 tahun; dan
- (vi) Pengecualian penuh duti import dan / atau cukai jualan bagi bahan-bahan mentah / komponen dan mesin/peralatan untuk aktiviti-aktiviti perkilangan dan perkhidmatan terpilih domestik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 31 MAC 2014

RUJUKAN : 6580

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) jumlah taraf kewarganegaraan yang diberikan dalam masa sepuluh tahun yang lalu mengikut tahun negara asal mereka; dan
- (b) jumlah rakyat yang dilahirkan di Malaysia, tetapi kerana masalah dokumentasi masih belum mendapat taraf kewarganegaraan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut rekod Kementerian Dalam Negeri (KDN), jumlah penganugerahan kewarganegaraan Malaysia kepada warga asing dari tahun 2004 sehingga 2013 adalah seramai 41,417 orang. Dalam hal ini, antara negara yang mencatatkan jumlah penganugerahan kewarganegaraan Malaysia yang tinggi berdasarkan negara asal adalah dari Republik Indonesia dengan jumlah seramai 17,446 orang dan India dengan jumlah seramai 4,684 orang.**
- (b) Setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia hendaklah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Dalam hal ini, JPN mendaftarkan kelahiran kanak-kanak di Malaysia mengikut peruntukan undang-undang seperti berikut:**
- i. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi Semenanjung Malaysia;**
 - ii. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 123 (No. 11 Tahun 1948) bagi Negeri Sabah; dan**
 - iii. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 10 (No. 6 Tahun 1951) bagi Negeri Sarawak.**

Dalam hal ini, undang-undang tersebut memberikan peruntukan untuk mendaftarkan apa-apa kelahiran di Persekutuan termasuk di kalangan warga asing. Walau bagaimanapun, pendaftaran kelahiran ini tidak akan memberikan taraf kewarganegaraan Malaysia secara automatik kepada kanak-kanak yang berkenaan kerana penganugerahan taraf kewarganegaraan Malaysia masih lagi tertakluk kepada peruntukan undang-undang di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, status perkahwinan ibu bapa dan taraf kewarganegaraan ibu bapa semasa kanak-kanak dilahirkan. Sehubungan dengan itu, bagi pendaftaran kelahiran kanak-kanak yang maklumat kewarganegaraan dan status perkahwinan ibu bapa yang tidak diperolehi, JPN akan mengeluarkan Sijil Kelahiran dengan maklumat taraf kewarganegaraan “Belum Ditentukan” sebagai suatu usaha awal dokumentasi kanak-kanak. Jumlah pendaftaran kelahiran dengan taraf kewarganegaraan “Belum Ditentukan” dari tahun 2009 sehingga 2013 adalah sebanyak 5,718 orang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG
[KLUANG]

TARIKH : 31 MAC 2014

SOALAN : Tuan Liew Chin Tong minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan bantuan yang diberikan kepada keluarga Cheong Chun Yin (830907-08-5675) yang telah dihukum mati di Singapura dan dasar Kementerian mengendalikan kes-kes hukuman mati warganegara di luar negeri.

Jawapan

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kementerian Luar Negeri melalui Perwakilan Malaysia di luar negeri sentiasa memastikan bantuan konsular dipanjangkan kepada semua rakyat Malaysia di luar negara termasuk mereka yang ditahan oleh pihak berkuasa tempatan di luar negara sekalipun mereka melanggar atau menyalahi undang-undang negara berkenaan. Kementerian Luar Negeri juga sentiasa memantau kes-kes hukuman mati warganegara Malaysia di luar negeri dan menghulurkan bantuan konsular yang sewajarnya kepada warganegara Malaysia. Selaras dengan amalan sedia ada, Kerajaan Malaysia menghormati keputusan yang diambil oleh negara tersebut dan tidak campur tangan dalam hal perundangan negara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Berkenaan dengan kes di Singapura yang melibatkan seorang warganegara Malaysia, Encik Cheong Chun Yin yang telah dijatuhkan hukuman mati, Kementerian Luar Negeri melalui Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura telah melawat beliau di penjara *Changi* pada 23 November 2013 dan 5 Mac 2014 untuk memastikan hak dan kebajikan beliau adalah terjamin. Pihak Suruhanjaya Tinggi Malaysia juga telah

memberi sokongan kepada beliau dengan menghubungi Peguam *Pro-bono* untuk membuat rayuan *judicial review* dan juga rayuan untuk mendapatkan *Certificate of Co-operation (CoC)* selaras dengan peruntukan undang-undang Singapura.

Tuan yang Di-Pertua,

4. Tindakan perundangan yang diambil oleh Sistem Perundangan Singapura adalah hak dan urusan dalaman negara tersebut. Oleh yang demikian, saya ingin memperingatkan lagi semoga rakyat Malaysia di luar negara agar sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan negara di mana mereka berada. Saya juga ingin menegaskan bahawa setiap tindak-tanduk kita di negara asing adalah tanggungjawab kita sendiri.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 74

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 31 MAC 2014

RUJUKAN : 6711

SOALAN:

Tuan Wan Hasan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah hasil kutipan levi pekerja asing mengikut sektor dari tahun 2008 - 2013.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah hasil kutipan levi bagi tahun 2008 sehingga 2013 adalah sebanyak RM12,212,833,347.05. Pecahan hasil kutipan levi bagi tahun 2008 sehingga tahun 2013 adalah seperti mana berikut:

TAHUN	JUMLAH (RM)
2008	2,043,567,369.46
2009	1,804,246,732.52
2010	1,516,354,837.29
2011	1,807,559,238.97
2012	2,618,101,763.53
2013	2,423,003,405.28
JUMLAH	12,212,833,347.05

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
(SEPANG)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 31.03.2014

Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG] minta
MENTERI KEWANGAN

menyatakan:-

- (a) adakah mana-mana syarikat GLC terlibat dalam pelaburan dalam perniagaan perniagaan arak dan judi atau perniagaan yang syubhat menurut syarak; dan
- (b) adakah wujud Jawatankuasa syarak bagi memandu pelaburan GLC mengikut syarak'.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara amnya, Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), khususnya GLC terpilih (G20) yang terlibat dalam Program Transformasi GLC tidak terlibat dalam operasi, perniagaan teras dan pelaburan dalam perniagaan yang melibatkan arak dan judi.

Meskipun terdapat GLC seperti Kumpulan CIMB dan Maybank yang menjalankan operasi dalam bidang kewangan dan perbankan konvensional (tidak patuh syariah), syarikat-syarikat ini tetap menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam melalui anak-anak syarikat masing-masing seperti CIMB Islamic Bank dan Maybank Islamic Bank.

Selain GLC, institusi perbankan yang terlibat dalam operasi kewangan dan perbankan Islam diwajibkan di bawah Akta Perbankan Islam untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa pengawasan syariah bagi memantau pelaburan yang dijalankan. GLC lain yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat tidak diperlukan untuk berbuat demikian.